



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2017

**PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

NEGERI TERENGGANU SIRI 2

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN

KANDUNGAN

vii	PENDAHULUAN
xi	INTI SARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
3	JABATAN PERTANIAN NEGERI TERENGGANU Pengurusan Taman Kekal Pengeluaran Makanan
24	MAJLIS DAERAH BESUT BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI Pengurusan Perkhidmatan Pembersihan dan Pelupusan Sisa Pepejal
40	TERENGGANU SKILLS DEVELOPMENT CENTRE BERHAD Tesdec Sdn. Bhd.
65	PENUTUP



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri.
2. Pengauditan prestasi telah dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan saya ini mengandungi Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2017 Siri 2 mengenai perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan terhadap aktiviti di dua (2) Jabatan, satu (1) Agensi dan satu (1) Syarikat Kerajaan Negeri.
3. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 10 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.
4. *Auditor General's Dashboard* yang mula dilaksanakan pada 31 Mei 2013 memaparkan isu dan status terkini tindakan Laporan Ketua Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat dan pantas. Ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu Laporan Ketua Audit Negara serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil kepada pihak awam.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
2 November 2018



INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

JABATAN PERTANIAN NEGERI TERENGGANU

1. Pengurusan Taman Kekal Pengeluaran Makanan

- a. Projek TKPM bertujuan mewujudkan zon pengeluaran makanan kekal, membantu dan meningkatkan pengeluaran makanan, membangun dan meningkatkan penglibatan usahawan dalam bidang pengeluaran makanan secara komersial, meningkatkan pendapatan bersih peserta kepada sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan menggalakkan penglibatan sektor swasta. Pembangunan projek TKPM di Negeri Terengganu telah mula dilaksanakan selepas Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani pada 9 Ogos 2001 antara Kerajaan Negeri Terengganu dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sebanyak empat (4) kawasan TKPM telah dibangunkan di Negeri Terengganu iaitu TKPM Rhu Tapai, Setiu; TKPM Serating, Marang; TKPM Tok Dor, Besut dan TKPM Peradong, Kuala Terengganu dengan keluasan keseluruhan kawasan berjumlah 854.75 hektar (ha) dengan 111 orang peserta. Sumber peruntukan kewangan diperoleh daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM3.76 juta bagi tahun 2015 dan 2017 (tiada peruntukan bagi tahun 2016 dan 2018). Manakala Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM0.25 juta pada tahun 2015 dan tiada peruntukan pada tahun 2016 hingga 2018. JPNT telah membelanjakan sejumlah RM3.92 juta atau 97.7% daripada peruntukan bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan Julai 2018.
- b. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi TKPM

- Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, pencapaian pengeluaran sebenar berjumlah 19,794 tan metrik melebihi sasaran ditetapkan yang berjumlah 19,383 tan metrik. Bagaimanapun, nilai pengeluaran berjumlah RM29.68 juta adalah tidak mencapai sasaran berjumlah RM30.07 juta iaitu pengurangan sejumlah RM0.67 juta. Manakala bagi tempoh bulan Januari hingga Julai 2018, sebanyak 2,003 tan metrik pengeluaran telah dihasilkan berbanding sasaran pengeluaran sebanyak 6,711 tan metrik.
- Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, peratusan yang tidak mencapai pendapatan bulanan bersih melebihi RM3,000 adalah antara 56% hingga 65%. Manakala setakat bulan Julai 2018, sebanyak 80% peserta belum mencapai pendapatan bersih yang disasarkan.

ii. Pengurusan TKPM

Pengurusan projek TKPM belum mencapai tahap kecekapan yang optimum berikutan kelemahan dalam aspek pengurusan antaranya pensijilan MyGAP, lot yang tidak diusahakan sepenuhnya, pembinaan bangunan kekal dan pembayaran sewa tanah pajakan yang lewat dan tertunggak.

c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. seramai 46 daripada 58 peserta tidak memohon pensijilan MyGAP manakala hanya tiga (3) daripada 12 peserta yang memohon telah berjaya mendapat pensijilan MyGAP;
- ii. dua (2) lot tanah yang dipajak kepada dua (2) peserta di TKPM Rhu Tapai dan tujuh (7) lot tanah bagi enam (6) peserta di TKPM Serating tidak diusahakan;
- iii. dua (2) peserta di TKPM Rhu Tapai dan dua (2) peserta di TKPM Serating telah mendirikan premis kekal dalam lot tanah yang dipajak;
- iv. sebanyak 130 daripada 336 *bay* SPH telah mengalami kerosakan bumbung di TKPM Tok Dor, Besut masih belum dibaiki;
- v. jaminan bank bagi tujuh (7) daripada 16 peserta di TKPM Rhu Tapai dan empat (4) daripada 22 peserta di TKPM Serating tidak mengikut tempoh perjanjian pajakan. Jaminan bank tersebut dibuat bagi tempoh antara setahun hingga lima (5) tahun sahaja walaupun tempoh pajakan adalah selama 21 tahun;
- vi. seramai 11 daripada 16 peserta TKPM Rhu Tapai, Setiu dan lapan (8) daripada 22 peserta di TKPM Serating tidak menjelaskan bayaran pajakan antara satu (1) hingga tiga (3) tahun berjumlah RM34,069; dan
- vii. seramai dua (2) peserta di TKPM Rhu Tapai dan satu (1) peserta di TKPM Serating mempunyai perbezaan keluasan tanah pajakan antara perjanjian dengan tanah pajakan yang diusahakan oleh peserta.

d. Bagi memastikan pengurusan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan, adalah disyorkan Jabatan Pertanian Negeri Terengganu (JPNT) mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- i. dokumen perjanjian bagi TKPM Tok Dor dan TKPM Peradong perlu disediakan untuk memastikan peserta yang melanggar syarat yang ditetapkan boleh diambil tindakan;

- ii. terma denda bagi kegagalan pembayaran sewa tanah pajakan perlu dimasukkan dalam syarat perjanjian bagi memastikan hasil Kerajaan dikutip mengikut tempoh ditetapkan;
- iii. memastikan semua peserta mengemukakan jaminan bank mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian bagi menjaga kepentingan Kerajaan; dan
- iv. pemantauan berkala dan berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan semua syarat dalam surat tawaran dan dokumen perjanjian dipatuhi termasuk pengusahaan semua lot tanah yang dipajak.

**MAJLIS DAERAH BESUT
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**

2. Pengurusan Perkhidmatan Pembersihan dan Pelupusan Sisa Pepejal

- a. MDB bertanggungjawab menyenggara kawasan pentadbirannya supaya sentiasa bersih, indah dan selamat didiami selaras dengan slogan MDB iaitu 'Bersih Budaya Besut' dan salah satu prinsip Transformasi Terengganu Baharu (TTB) – Kebersihan Luaran dan Dalaman. Antara langkah yang dijalankan untuk mencapai objektif ini adalah dengan menyediakan perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal yang teratur dan sistematik di seluruh kawasan pentadbiran MDB di bawah seliaan Bahagian Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan Awam. Bahagian ini diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran gred U29 dan dibantu oleh seramai 22 kakitangan. Perkhidmatan pembersihan dan kutipan sisa pepejal di daerah Besut dibahagikan kepada 16 zon operasi iaitu 13 zon bagi perkhidmatan pembersihan, dua (2) zon bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal serta satu (1) zon bagi perkhidmatan pembersihan dan kutipan sisa pepejal iaitu di Pulau Perhentian. Perkhidmatan ini dikendalikan sepenuhnya oleh kontraktor yang dilantik melalui proses tender oleh Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (BKT). Perolehan pengurusan perkhidmatan pembersihan dan kutipan sisa pepejal bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah berjumlah RM25.05 juta. MDB memiliki satu (1) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (TPSP) yang terletak di Kampung Paya Rawa, Besut dengan keluasan 13.3 hektar. Berdasarkan rekod data sisa pepejal, sebanyak 25,346.78 tan metrik sampah telah dilupuskan di TPSP MDB bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Perkhidmatan Pembersihan dan Pelupusan Sisa Pepejal

Perkhidmatan pembersihan secara keseluruhannya adalah memuaskan kerana kerja-kerja pembersihan telah dijalankan mengikut syarat kerja yang ditetapkan dalam kontrak. Manakala perkhidmatan pelupusan sisa pepejal adalah tidak memuaskan kerana pelupusan sisa pepejal di TPSP MDB tidak dijalankan mengikut kaedah ditetapkan antaranya sel pelupusan tidak digunakan secara maksimum dan sistem pengaliran air resapan tidak berfungsi.

ii. Pengurusan Perkhidmatan Pembersihan dan Pelupusan Sisa Pepejal

Bagi aspek pengurusan perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal, pihak Audit mendapati beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan terutamanya dalam pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal, pematuan kerja kontraktor berdasarkan syarat kontrak yang telah ditetapkan dan pengurusan pentadbiran kontrak.

c. Beberapa penemuan penting yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. sel-sel pelupusan tidak digunakan secara maksimum di mana Sel 2 telah digunakan walaupun Sel 1 belum mencapai tahap penggunaan maksimum;
- ii. kerosakan pam motor di kolam air resapan TPSP menyebabkan sistem pengaliran air resapan tidak berfungsi;
- iii. penutupan sisa pepejal dengan tanah secara harian di TPSP tidak dibuat; dan
- iv. tindakan tegas tidak diambil ke atas lima (5) kontraktor yang melakukan kesalahan berulang.

d. Secara keseluruhannya, pelaksanaan perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal adalah tidak memuaskan. Bagi menambah baik keberkesanan program ini dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan agar pihak bertanggungjawab mengambil tindakan berikut:

- i. MDB hendaklah memastikan operasi pelupusan sisa pepejal di TPSP MDB berjalan mengikut garis panduan yang ditetapkan dan peralatan rosak dibaiki dengan segera supaya aktiviti pelupusan sisa pepejal di TPSP dapat beroperasi dengan teratur dan sistematik;
- ii. MDB perlu meningkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan kerja-kerja oleh kontraktor bagi memastikan kesempurnaan perkhidmatan dengan mengenakan tindakan yang lebih tegas antaranya meningkatkan amaun denda atau menamatkan kontrak; dan

- iii. MDB hendaklah memastikan pembinaan rumah sampah yang telah dibina dapat dimanfaatkan mengikut objektif yang ditetapkan dengan menghebahkan dan menyegerakan urusan penyewaan kepada pihak yang berminat.

TERENGGANU SKILLS DEVELOPMENT CENTRE BERHAD

3. Tesdec Sdn. Bhd.

- a. Tesdec Sdn. Bhd. (TSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 4 November 1999. TSB merupakan syarikat subsidiari milik penuh Terengganu Skills Development Centre Berhad (TESDEC) dengan modal dibenarkan berjumlah RM5.0 juta dan modal berbayar berjumlah RM1.0 juta. TSB berfungsi sebagai pusat latihan berasaskan kemahiran melalui penubuhan Kolej Tesdec yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Bukit Khor, Marang, Terengganu. Objektif penubuhan Kolej Tesdec adalah merangka dan menawarkan program-program kemahiran yang berkesan; melahirkan graduan yang berdaya saing, berkeyakinan dan berketrampilan; bekerjasama dengan industri dan institusi pengajian tempatan dan antarabangsa bagi kejayaan dan matlamat bersama; menjana serta mengurus tadbir sumber manusia dan kewangan secara berkesan; memperkasa keupayaan tenaga kerja; serta menyediakan dan mengurus sumber-sumber fizikal dan IT secara efisien dan optimum. Kolej Tesdec menawarkan kursus kemahiran dan program akademik bagi lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Pra Diploma (Sijil Sains) dan Diploma. Kolej Tesdec juga menganjurkan program khas dari jabatan awam atau swasta seperti mengadakan kursus jangka pendek, kursus pengendalian makanan, kursus tranformasi siswazah Terengganu dan kursus lepasan siswazah.
- b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan TSB pada keseluruhannya adalah kurang stabil kerana syarikat mencatatkan kerugian sebelum cukai tiga (3) tahun berturut-turut. Kerugian ini menyebabkan syarikat merekodkan kerugian terkumpul berjumlah RM37,921 pada tahun 2016 berbanding keuntungan terkumpul pada tahun 2014 berjumlah RM1.27 juta.

ii. Pengurusan Aktiviti

Secara keseluruhannya, aktiviti TSB telah diuruskan dengan tidak cekap untuk mencapai objektif penubuhannya. Bilangan pendaftaran pelajar akademik merosot setiap tahun serta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian pengambilan pelajar adalah rendah antara 34% hingga 68% iaitu kurang daripada jumlah yang disasarkan. Pengurusan TSB juga tidak

mempunyai pelan pembangunan produk baru bagi menambah bilangan program, meningkatkan bilangan pelajar dan kepelbagaian badan penaja, penambahan ruang bengkel dan sistem pengurusan yang berkesan.

iii. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus TSB adalah kurang memuaskan. Terdapat keperluan untuk membuat penambahbaikan dalam amalan tadbir urus syarikat agar selaras dengan amalan terbaik tadbir urus yang disarankan.

- c. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh TSB adalah seperti berikut:
 - i. prestasi kewangan tidak cekap di mana perbelanjaan dan pendapatan sebenar tidak mencapai unjuran yang disediakan;
 - ii. pencapaian output terhadap bilangan pengambilan pelajar akademik tidak cekap kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan; dan
 - iii. komposisi Lembaga Pengarah tidak mencapai 50% yang berstatus bebas, Lembaga Pengarah dilantik berdasarkan jawatan penjawat awam dan bukan atas kepakaran dan pengalaman serta Pengurus Besar menjalankan tugas dan tanggungjawab eksekutif di setiap anak syarikat kumpulan. Selain itu, Jawatankuasa Audit tidak berfungsi dengan berkesan serta Unit Audit Dalaman juga tidak ditubuhkan.
- d. Bagi memastikan objektif penubuhan Tesdec Sdn. Bhd. dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan tindakan seperti berikut:
 - i. mengenal pasti dan menambah bilangan program, pelajar, mesin dan peralatan pembelajaran, bengkel dan badan penaja melalui rancangan pemasaran yang strategik dan pengurusan aktiviti yang cekap bagi memastikan objektif syarikat tercapai. Ini bagi mengurangkan kebergantungan kewangan daripada caruman Kerajaan dan bantuan modal syarikat induk;
 - ii. meningkatkan kecekapan pengurusan aktiviti terutamanya bagi aspek penambahan program/kursus dan pelajar melalui kajian semula Pelan Strategik secara menyeluruh; dan
 - iii. meningkatkan amalan tadbir urus syarikat dari semasa ke semasa terutamanya dari segi pelantikan Pengurus Besar, fungsi Lembaga Pengarah, pengemaskinian *Standard Operating Procedures* bagi aktiviti utama syarikat, pencapaian KPI dan melaksanakan kawalan dalaman yang berkesan.



AKTIVITI JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

JABATAN PERTANIAN NEGERI TERENGGANU

1. PENGURUSAN TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jabatan Pertanian Negeri Terengganu (JPNT) ditubuhkan bertujuan memberi perkhidmatan perundangan, sokongan teknikal dan khidmat nasihat yang profesional dalam pelbagai bidang pertanian khususnya tanaman makanan dan industri hiliran bagi menentukan pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan negara. Bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya, JPNT telah melaksanakan program seperti *High Impact Project* (HIP), Agro Pelancongan dan Projek *Flagship*. Salah satu projek di bawah program HIP adalah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

1.1.2. Projek TKPM merupakan satu strategi yang telah dirangka dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) untuk menggalakkan pelaksanaan projek pertanian secara berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi oleh usahawan termasuk sektor swasta. Ia merupakan zon kekal bagi pengeluaran tanaman makanan dalam negara. TKPM ini juga dilaksanakan bertujuan untuk mengatasi masalah kekurangan tanah yang sesuai untuk pengeluaran makanan yang sering dihadapi oleh usahawan dan sektor swasta. Projek ini merupakan jalinan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga usahawan di mana Kerajaan Negeri menyediakan tanah kepada para peserta (usahawan) dan digazetkan sebagai projek TKPM manakala Kerajaan Persekutuan akan menyediakan infrastruktur asas dan pengurusan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Infrastruktur asas yang disediakan adalah seperti jalan ladang, sistem perparitan, pagar, kemudahan bekalan air dan elektrik serta Struktur Perlindungan Hujan (SPH). Projek ini bertujuan mewujudkan zon pengeluaran makanan kekal, membantu dan meningkatkan pengeluaran makanan, membangun dan meningkatkan penglibatan usahawan dalam bidang pengeluaran makanan secara komersial, meningkatkan pendapatan bersih peserta kepada sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan menggalakkan penglibatan sektor swasta.

1.1.3. Pembangunan projek TKPM di Negeri Terengganu telah mula dilaksanakan selepas Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani pada 9 Ogos 2001 antara Kerajaan Negeri Terengganu dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sebanyak empat (4) kawasan TKPM telah dibangunkan di Negeri Terengganu iaitu TKPM Rhu Tapai, Setiu; TKPM Serating, Marang; TKPM Tok Dor, Besut dan TKPM Peradong, Kuala Terengganu dengan keluasan keseluruhan kawasan

berjumlah 854.75 hektar (ha) dengan 111 orang peserta. Tanaman yang diusahakan ialah sayur-sayuran, buah-buahan, tanaman herba dan tanaman kontan. Kaedah tanaman yang diusahakan adalah tanaman secara terbuka dan fertigasi. Kaedah tanaman secara terbuka adalah penanaman yang dilakukan secara konvensional seperti membuat batas secara manual manakala tanaman secara fertigasi merupakan kaedah pembajaan dalam bentuk larutan dan disalurkan ke zon akar melalui sistem pengairan titisan. Maklumat keluasan TKPM dan bilangan peserta setakat bulan Julai 2018 adalah seperti **Jadual 1.1**.

JADUAL 1.1
KELUASAN TAMAN KEKAL PENGELUARAN
MAKANAN DAN BILANGAN PESERTA SETAKAT BULAN JULAI 2018

BIL.	TKPM	KELUASAN (Ha)	BILANGAN PESERTA (Orang)
1.	Rhu Tapai, Setiu	491.05	30
2.	Serating, Marang	297.70	45
3.	Tok Dor, Besut	62.00	32
4.	Peradong, Kuala Terengganu	4.00	4
JUMLAH		854.75	111

Sumber: Senarai TKPM Semenanjung Malaysia

1.1.4. Sumber peruntukan kewangan diperoleh daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM3.76 juta bagi tahun 2015 dan 2017 (tiada peruntukan bagi tahun 2016 dan 2018). Manakala Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM0.25 juta pada tahun 2015 dan tiada peruntukan pada tahun 2016 hingga 2018. JPNT telah membelanjakan sejumlah RM3.92 juta atau 97.7% daripada peruntukan bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan Julai 2018. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti **Jadual 1.2**.

JADUAL 1.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN TAMAN KEKAL
PENGELUARAN MAKANAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)			PERBELANJAAN (RM Juta)		
	PERSEKUTUAN	NEGERI	JUMLAH	PERSEKUTUAN	NEGERI	JUMLAH
2015	3.23	0.25	3.48	3.22	0.16	3.38
2016	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
2017	0.53	0.00	0.53	0.54	0.00	0.54
*2018	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH	3.76	0.25	4.01	3.76	0.16	3.92

Nota: * Setakat bulan Julai 2018

Sumber: Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan JPNT

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada:

- a. projek TKPM dilaksanakan dengan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu mewujudkan zon pengeluaran makanan kekal, membantu dan meningkatkan pengeluaran makanan, membangun dan meningkatkan penglibatan usahawan dalam bidang pengeluaran makanan secara komersial, meningkatkan pendapatan bersih peserta kepada sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan menggalakkan penglibatan sektor swasta; dan
- b. pengurusan projek TKPM telah dilaksanakan dengan cekap dan berhemat.

1.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini merangkumi dua (2) bidang utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan Julai 2018. Prestasi projek dinilai melalui elemen pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Manakala pengurusan projek meliputi perkara berkaitan pensijilan MyGAP, pengusahaan lot tanah, jaminan bank, pembayaran sewa dan perjanjian baru/tambahan. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat JPNT dan empat (4) TKPM iaitu Rhu Tapai (Setiu), Serating (Marang), Tok Dor (Besut) dan Peradong (Kuala Terengganu). Sebanyak 58 atau 52.3% daripada 111 peserta merangkumi keluasan kawasan sebanyak 474.71 hektar telah dipilih untuk semakan Audit.

1.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan projek TKPM. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat turut dilakukan bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung isu yang dibangkitkan. Pemeriksaan fizikal juga telah dilakukan semasa lawatan Audit bagi mengesahkan aktiviti penanaman dan jenis tanaman yang dilakukan.

1.5. RUMUSAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Jun hingga September 2018 merumuskan perkara berikut:

1.5.1. Prestasi TKPM

- a. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, pencapaian pengeluaran sebenar berjumlah 19,794 tan metrik melebihi sasaran ditetapkan yang berjumlah 19,383 tan metrik. Bagaimanapun, nilai pengeluaran berjumlah RM29.01 juta

adalah tidak mencapai sasaran berjumlah RM29.68 juta iaitu pengurangan sejumlah RM0.67 juta. Manakala bagi tempoh bulan Januari hingga Julai 2018, sebanyak 2,003 tan metrik pengeluaran telah dihasilkan berbanding sasaran pengeluaran sebanyak 6,711 tan metrik.

- b. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, peratusan yang tidak mencapai pendapatan bulanan bersih melebihi RM3,000 adalah antara 56% hingga 65%. Manakala setakat bulan Julai 2018, sebanyak 80% peserta belum mencapai pendapatan bersih yang disasarkan.

1.5.2. Pengurusan TKPM

- a. Pengurusan projek TKPM belum mencapai tahap kecekapan yang optimum berikutan kelemahan dalam aspek pengurusan antaranya pensijilan MyGAP, lot yang tidak diusahakan sepenuhnya, pembinaan bangunan kekal dan pembayaran sewa tanah pajakan yang lewat dan tertunggak.
- b. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:
 - i. seramai 46 daripada 58 peserta tidak memohon pensijilan MyGAP manakala hanya tiga (3) daripada 12 peserta yang memohon telah berjaya mendapat pensijilan MyGAP;
 - ii. dua (2) lot tanah yang dipajak kepada dua (2) peserta di TKPM Rhu Tapai dan tujuh (7) lot tanah bagi enam (6) peserta di TKPM Serating tidak diusahakan;
 - iii. dua (2) peserta di TKPM Rhu Tapai dan dua (2) peserta di TKPM Serating telah mendirikan premis kekal dalam lot tanah yang dipajak;
 - iv. sebanyak 130 daripada 336 bay SPH telah mengalami kerosakan bumbung di TKPM Tok Dor, Besut masih belum dibaiki;
 - v. jaminan bank bagi tujuh (7) daripada 16 peserta di TKPM Rhu Tapai dan empat (4) daripada 22 peserta di TKPM Serating tidak mengikut tempoh perjanjian pajakan. Jaminan bank tersebut dibuat bagi tempoh antara setahun hingga lima (5) tahun sahaja walaupun tempoh pajakan adalah selama 21 tahun;
 - vi. seramai 11 daripada 16 peserta TKPM Rhu Tapai, Setiu dan lapan (8) daripada 22 peserta di TKPM Serating tidak menjelaskan bayaran pajakan antara satu (1) hingga tiga (3) tahun berjumlah RM34,069; dan

- vii. seramai dua (2) peserta di TKPM Rhu Tapai dan satu (1) peserta di TKPM Serating mempunyai perbezaan keluasan tanah pajakan antara perjanjian dengan tanah pajakan yang diusahakan oleh peserta.

1.6. PENEMUAN AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada Jabatan Pertanian Negeri Terengganu telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 3 Oktober 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

1.6.1. Prestasi Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan

1.6.1.1. Pencapaian Output Projek

- a. Mengikut Garis Panduan Pembangunan Projek TKPM, penubuhan TKPM bertujuan membantu dan meningkatkan pengeluaran makanan yang mampan dan berkualiti serta selamat dimakan. JPNT telah menetapkan sasaran tahunan pengeluaran hasil tanaman dalam Mesyuarat Jawatankuasa TKPM. Penetapan sasaran tahunan pengeluaran setiap TKPM berdasarkan bilangan kemasukan peserta baharu dan pengeluaran hasil tahun sebelumnya dengan jangkaan nilai berasaskan harga pasaran semasa.
- b. Semakan Audit terhadap laporan pengeluaran hasil yang dijana oleh sistem Agris Geoportal mendapati jumlah sasaran pengeluaran tahunan hasil tanaman bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 adalah sebanyak 19,383 tan metrik dengan nilai berjumlah RM30.07 juta. Semakan Audit selanjutnya terhadap maklumat pengeluaran dalam sistem Agris Geoportal mendapati jumlah pengeluaran sebenar hasil tanaman bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 19,794 tan metrik bernilai RM29.01 juta. Pencapaian kuantiti sebenar melebihi sasaran kuantiti yang ditetapkan sebanyak 2.1% iaitu 411 tan metrik. Bagaimanapun, nilai pengeluaran adalah berkurangan sejumlah RM1.06 juta atau 3.5% disebabkan perubahan harga pasaran semasa. Butiran terperinci adalah seperti **Jadual 1.3**.

JADUAL 1.3
PERATUSAN PENCAPAIAN PENGELUARAN
BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

TKPM	SASARAN		PENCAPAIAN		PERBEZAAN	
	KUANTITI (Tan Metrik)	NILAI (RM Juta)	KUANTITI (Tan Metrik)	NILAI (RM Juta)	KUANTITI (%)	NILAI (%)
RHU TAPAI						
2015	480.00	0.40	1,392.56	1.24	190.1	210.0
2016	816.00	1.31	127.14	0.37	-84.4	-71.8
2017	816.00	1.31	162.00	0.34	-80.1	-74.0
JUMLAH	2,112.00	3.02	1,681.70	1.95	3.0	-35.4
SERATING						
2015	2,375.00	0.92	1,747.23	1.46	-26.4	58.7
2016	1,200.00	1.20	3,635.48	3.68	203.0	206.7
2017	3,500.00	4.51	2,765.23	3.53	-21.0	-21.7
JUMLAH	7,075.00	6.63	8,147.94	8.67	15.2	30.8
TOK DOR						
2015	4,800.00	9.48	5,503.03	9.69	14.6	2.2
2016	3,167.00	6.00	2,586.64	4.71	-18.3	-21.5
2017	2198.00	4.70	1,854.00	3.83	-15.7	-18.5
JUMLAH	10,165.00	20.18	9,943.67	18.23	-2.2	-9.7
PERADONG						
2017	31.00	0.24	21.00	0.16	-32.3	-33.3
JUMLAH	31.00	0.24	21.00	0.16	-32.3	-33.3
JUMLAH KESELURUHAN	19,383.00	30.07	19,794.31	29.01	4.7	-3.5

Sumber: Sasaran Tahunan dan Sistem Agris Geoportal

- c. Analisis Audit mendapati pencapaian pengeluaran yang melebihi sasaran bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017 disumbangkan oleh pengeluaran di TKPM Rhu Tapai dan TKPM Tok Dor pada tahun 2015 serta TKPM Serating pada tahun 2016. Hasil temu bual dengan penyelia TKPM terlibat mendapati pengeluaran tidak mencapai sasaran antaranya disebabkan oleh serangan makhluk perosak terutama babi dan kelawar manakala TKPM Peradong baru diwujudkan pada 20 Disember 2016. Pengeluaran hasil yang tidak menepati sasarannya antara sebab sasaran pendapatan peserta juga tidak dapat dicapai iaitu RM3,000 sebulan bagi setiap peserta.
- d. Bagi tahun 2018, sasaran tahunan pengeluaran hasil ditetapkan sebanyak 6,711 tan metrik yang bernilai RM10.56 juta. Semakan Audit mendapati pengeluaran hasil sebenar bagi tempoh bulan Januari hingga Julai 2018 untuk semua TKPM adalah sebanyak 2,003 tan metrik yang bernilai RM2.84 juta. Peratus pengeluaran bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 29.8% berbanding sasaran pengeluaran tahunan seperti di **Jadual 1.4**.

JADUAL 1.4
PERATUSAN PENCAPAIAN PENGELUARAN
BERBANDING SASARAN BAGI SETAKAT BULAN JULAI 2018

TKPM	SASARAN PENGELUARAN		PENGELUARAN SEBENAR		PERATUSAN	
	KUANTITI (Tan Metrik)	NILAI (RM Juta)	KUANTITI (Tan Metrik)	NILAI (RM Juta)	KUANTITI (%)	NILAI (%)
Rhu Tapai	1,345.50	1.64	188.95	0.29	14.0	17.7
Serating	2,431.50	3.05	1,124.60	1.13	46.3	37.0
Tok Dor	2,797.80	5.26	666.55	1.29	23.8	24.5
Peradong	136.08	0.61	23.04	0.13	16.9	21.3
JUMLAH	6,710.88	10.56	2,003.14	2.84	29.8	26.9

Sumber: Sasaran Tahunan dan Sistem Agris Geoportal

- e. Analisis Audit mendapati pengeluaran hasil di semua TKPM tidak mencapai sasaran yang ditetapkan bagi suku kedua tahun 2018. Peratusan pengeluaran adalah antara 14% hingga 46.3% sahaja. Perkara ini berlaku disebabkan tanaman yang masih belum mengeluarkan hasil dan belum diambil kira di dalam sistem Agris Geoportal serta faktor kerehatan tanah bagi mengembalikan kesuburannya. Selain itu, kekurangan modal pusingan peserta yang menghalang penanaman secara sekali gus dilakukan.

Maklum Balas JPNT yang Diterima pada 3 Oktober 2018

JPNT memaklumkan bahawa kawasan TKPM merupakan kawasan tanah yang bermasalah dan Kerajaan Negeri meminta JPNT membantu membangunkan kawasan tanah tersebut. Pemulihan tanah TKPM memerlukan kos yang tinggi kerana penggunaan baja yang banyak. Peserta kekurangan modal untuk memulihkan tanah secara besar-besaran yang menyebabkan pengeluaran hasil tanaman terganggu. Selain itu, ancaman penyakit, perosak dan musuh tanaman mengurangkan pengeluaran hasil tanaman.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian output projek adalah baik di mana peratusan kuantiti pengeluaran sebenar melebihi sasaran dan peratusan nilai pengeluaran sebenar mencapai 96.5% berbanding sasaran yang ditetapkan.

1.6.1.2. Pencapaian Outcome Projek

- a. Berdasarkan Garis Panduan Pembangunan Projek TKPM, pencapaian sasaran pendapatan peserta merupakan antara objektif utama pembangunan projek TKPM. Jabatan Pertanian Malaysia mensasarkan purata pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan bagi setiap peserta.

- b. Semakan Audit mendapati bilangan peserta yang mengusahakan tanaman di empat (4) TKPM adalah berjumlah 111 peserta pada tarikh pengauditan dijalankan. Bilangan peserta bertambah apabila pengambilan peserta baharu untuk mengisi lot tanah yang masih kosong dan bilangan peserta berkurang apabila peserta ditamatkan penyertaan di dalam TKPM kerana mengingkari perjanjian seperti tidak mengusahakan tanah atau gagal membayar sewa pajakan tanah. Berdasarkan semakan Audit terhadap sistem Agris Geoportal bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, peratusan sampel peserta yang tidak mencapai pendapatan bulanan bersih melebihi RM3,000 adalah antara 56% hingga 65%. Manakala setakat bulan Julai 2018, sebanyak 80% peserta belum mencapai pendapatan bersih yang disasarkan adalah seperti **Jadual 1.5**.

JADUAL 1.5
PENDAPATAN PESERTA
BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA SETAKAT BULAN JULAI 2018

TKPM	2015		2016		2017		2018 (Setakat Julai)	
	BIL. PESERTA		BIL. PESERTA		BIL. PESERTA		BIL. PESERTA	
	<RM3,000	>RM3,000	<RM3,000	>RM3,000	<RM3,000	>RM3,000	<RM3,000	>RM3,000
Tok Dor	2	8	2	9	1	12	10	3
Serating	13	5	12	6	17	5	17	5
Rhu Tapai	5	3	10	0	14	2	14	2
Peradong	TB	TB	TB	TB	3	0	3	1
Jumlah	20	16	24	15	35	19	44	11
Peratusan (%)	56	44	62	38	65	35	80	20

Sumber: Sistem Agris Geoportal

- c. Analisis terhadap sampel Audit mendapati peratusan bilangan peserta yang mendapat pendapatan bulanan melebihi RM3,000 menurun sejak tahun 2015 iaitu 44% (2015), 38% (2016) dan 35% pada tahun 2017. Manakala setakat bulan Julai 2018, sebanyak 20% peserta berjaya mencapai purata pendapatan bersih yang melebihi RM3,000 sebulan. Hasil temu bual Audit dengan penyelia TKPM dan peserta mendapati punca pendapatan tidak mencapai sasaran antaranya disebabkan kenaikan kos input pertanian seperti baja dan racun; dan harga pasaran yang tidak menentu.

Maklum Balas JPNT yang Diterima pada 3 Oktober 2018

JPNT memaklumkan bahawa harga pasaran yang tidak menentu dan lambakan hasil tanaman menyebabkan harga tanaman menjadi murah serta mengurangkan pendapatan peserta.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian *outcome* projek adalah tidak memuaskan kerana peratusan peserta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu antara 56% hingga 65%.

1.6.2. Pengurusan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan

1.6.2.1. Pensijilan MyGAP

- a. *Malaysian Good Agricultural Practices* (MyGAP) merupakan skim pensijilan yang dirancang oleh Jabatan Pertanian Malaysia pada tahun 2002 untuk memberi pengiktirafan kepada ladang-ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) berkonsepkan mesra alam sekitar, menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja bagi menghasilkan produk yang berkualiti, selamat dan sesuai dimakan. Selain itu, MyGAP bertujuan memastikan peserta menghasilkan produk pertanian dengan kawalan penggunaan racun makhluk perosak di paras yang dibenarkan. Berdasarkan strategi pembangunan dan syarat pemilihan peserta di dalam garis panduan pembangunan projek TKPM, peserta hendaklah memenuhi amalan pertanian baik dan memohon pensijilan MyGAP dalam tempoh enam (6) bulan selepas penyertaan.
- b. Pihak Audit mendapati pensijilan MyGAP mempunyai tempoh sah laku selama dua (2) tahun. Peserta perlu mengemukakan permohonan baru setelah tempoh sah laku tamat. Setakat bulan Julai 2018, seramai 12 daripada 58 peserta telah memohon pensijilan MyGAP manakala 46 peserta belum mengemukakan permohonan. Daripada permohonan tersebut, seramai tiga (3) peserta telah berjaya mendapat pensijilan MyGAP manakala sembilan (9) peserta tidak berjaya. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 1.6**.

JADUAL 1.6
PENSIJILAN KUALITI (MyGAP) SETAKAT BULAN JULAI 2018

BIL.	TKPM	BIL. PEMOHONAN	BIL. PEMOHONAN BERJAYA
1.	Rhu Tapai, Setiu	2	0
2.	Serating, Marang	2	0
3.	Tok Dor, Besut	4	0
4.	Peradong, Kuala Terengganu	4	3
JUMLAH		12	3

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri

- c. Analisis Audit mendapati hanya 20.7% daripada sampel peserta TKPM sahaja yang mengemukakan permohonan untuk mendapat pensijilan MyGAP dan 25% berjaya mendapat sijil tersebut manakala bakinya tidak berjaya mendapat pensijilan. Antara sebabnya ialah peserta terlibat masih belum menepati piawaian yang ditetapkan khususnya bagi aspek penyimpanan rekod ladang, kaedah penyimpanan input pertanian dan

keselamatan serta kebajikan pekerja ladang. Berdasarkan temu bual Audit bersama peserta TKPM, prestasi permohonan peserta yang memohon pensijilan MyGAP rendah disebabkan peserta beranggapan pensijilan MyGAP tidak memberi manfaat dan kelebihan kepada mereka.

Maklum Balas JPNT yang Diterima pada 3 Oktober 2018

JPNT memaklumkan bahawa dokumentasi rekod ladang yang lengkap adalah diperlukan dan merupakan syarat penting untuk mendapat pensijilan MyGAP menyebabkan ramai peserta gagal untuk memohon pensijilan tersebut.

Pada pendapat Audit, permohonan untuk mendapatkan pensijilan MyGAP adalah tidak memuaskan kerana 12 daripada 58 peserta atau 20.7% sahaja yang membuat permohonan.

1.6.2.2. Pengusahaan Lot Tanah

a. Lot Tidak Diusahakan Sepenuhnya

- i. Berdasarkan surat Perjanjian Penyewaan Tanah, peserta hendaklah menggunakan tanah yang disewa sepenuhnya untuk tujuan mengeluarkan hasil pertanian, bahan tanaman dan produk giliran tanaman. Mengikut JPNT, peserta hendaklah mengusahakan keseluruhan tanah yang disewa dengan tanaman sama ada secara sekali gus atau berperingkat. Pajakan lot tanah tidak dihadkan kepada satu (1) lot bagi setiap peserta. Kelulusan bilangan lot pajakan bergantung kepada *business plan* yang dikemukakan semasa sesi temu duga.
- ii. Semakan Audit terhadap senarai peserta dan keluasan lot yang dipajak mendapati kelulusan pajakan tanah kepada setiap peserta adalah berbeza mengikut projek dan jenis tanaman yang hendak diusahakan dan pembentangan *business plan* yang dikemukakan semasa proses temu duga dijalankan. Lawatan Audit mendapati tanah yang dipajakkan kepada dua (2) peserta di TKPM Rhu Tapai dan enam (6) peserta di TKPM Serating tidak diusahakan sepenuhnya. Temu bual Audit dengan penyelia TKPM berkenaan telah mengesahkan aktiviti tanaman tidak dilakukan oleh peserta tersebut melebihi tempoh enam (6) bulan. Semakan lanjut Audit mendapati dua (2) peserta di TKPM Rhu Tapai dan empat (4) peserta di TKPM Serating telah mendapat kelulusan penyewaan lebih daripada satu (1) lot tanah di mana sebahagian

daripada lot tersebut tidak diusahakan. Hasil temu bual dengan Penyelia TKPM mendapati peserta telah mengusahakan tanah pajakan pada peringkat awal pajakan. Bagaimanapun, sebahagian lot tersebut tidak diusahakan oleh peserta secara berterusan disebabkan peserta kekurangan pusingan modal akibat serangan penyakit tanaman, makhluk perosak dan ketidaktentuan harga pasaran. Maklumat serta gambar lot tanah yang tidak diusahakan adalah seperti **Jadual 1.7** dan **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.6**.

JADUAL 1.7
LOT TANAH PAJAKAN TKPM YANG TIDAK DIUSAHAKAN MELEBIHI ENAM BULAN

BIL.	LOKASI TKPM	NO. LOT	KELUASAN (Hektar)
1.	Rhu Tapai	10A	4.36
2.	Rhu Tapai	18A	1.37
3.	Serating	6	3.85
4.	Serating	9	4.12
5.	Serating	16	3.47
6.	Serating	13	3.89
7.	Serating	22	4.05
		23	5.16
8.	Serating	60	7.37
JUMLAH			37.64


Sumber: Senarai Peserta TKPM

GAMBAR 1.1



TKPM Rhu Tapai, Setiu
- Lot 10A yang Tidak Diusahakan
(10.07.2018)

GAMBAR 1.2




TKPM Rhu Tapai, Setiu
- Lot 18A yang Tidak Diusahakan
(10.07.2018)

GAMBAR 1.3



TKPM Serating, Marang
- Lot 6 yang Tidak Diusahakan
(05.09.2018)

GAMBAR 1.4



TKPM Serating, Marang
- Lot 16 yang Tidak Diusahakan
(05.09.2018)

GAMBAR 1.5



**TKPM Serating, Marang
- Lot 22 yang Tidak Diusahakan
(05.09.2018)**

GAMBAR 1.6



**TKPM Serating, Marang
- Lot 60 yang Tidak Diusahakan
(05.09.2018)**

Maklum Balas JPNT yang Diterima pada 3 Oktober 2018

JPNT memaklumkan bahawa ketiadaan pegawai yang khusus untuk menyelia projek TKPM menyebabkan JPNT lewat mengesan kegagalan peserta menjalankan aktiviti penanaman. Selain itu, faktor kepelbagaian risiko yang dihadapi dalam industri pertanian seperti perubahan cuaca yang tidak menentu, lambakan jenis tanaman yang sama dan penurunan harga pasaran serta kekurangan modal menyebabkan peserta tidak meneruskan aktiviti penanaman.

Pada pendapat Audit, pengusahaan lot tanah yang disewa adalah memuaskan kerana sebanyak 87.9% daripada peserta telah mengusahakan sepenuhnya tanah pajakan.

b. Pembinaan Bangunan Kekal

- i. Syarat-syarat khas yang terkandung di dalam surat tawaran menyertai TKPM menetapkan setiap peserta tidak dibenarkan mendirikan sebarang premis kekal di atas tanah yang dipajak.
- ii. Lawatan Audit di semua TKPM mendapati dua (2) peserta di TKPM Rhu Tapai dan dua (2) peserta di TKPM Serating telah mendirikan premis kekal dalam lot tanah yang dipajak. Bagaimanapun, JPNT tidak dapat menentukan tarikh sebenar premis kekal tersebut didirikan. Semakan Audit mendapati syarat yang tidak membenarkan premis kekal didirikan hanya dinyatakan di dalam surat tawaran sahaja tetapi tidak dinyatakan dalam surat perjanjian. Kegagalan menghalang pembinaan premis kekal di peringkat awal menyebabkan JPNT sukar untuk menamatkan perjanjian peserta kerana peserta telah mengeluarkan kos yang tinggi bagi pembinaan tersebut. Butiran terperinci dan keadaan bangunan

kekal tersebut adalah seperti **Jadual 1.8** dan **Gambar 1.7** hingga **Gambar 1.10**.

JADUAL 1.8
LOT TANAH PAJAKAN TKPM YANG DIBINA BANGUNAN KEKAL OLEH PESERTA

BIL.	NO. LOT	TARIKH SURAT PERJANJIAN	LOKASI TKPM	KELUASAN (Hektar)
1.	Lot 32A	01.09.2006	Rhu Tapai	4.35
2.	Lot 19A	01.01.2007	Rhu Tapai	1.79
3.	Lot 9	02.04.2012	Serating	4.119
4.	Lot 47	08.08.2017	Serating	4.982

Sumber: Dokumen Perjanjian

GAMBAR 1.7



TKPM Rhu Tapai, Setiu
- Bangunan Kekal Dibina di Lot 32A
(10.07.2018)

GAMBAR 1.8



TKPM Rhu Tapai, Setiu
- Bangunan Kekal Dibina di Lot 19A
(10.07.2018)

GAMBAR 1.9



TKPM Serating, Marang
- Bangunan Kekal Dibina di Lot 9
(05.09.2018)

GAMBAR 1.10



TKPM Serating, Marang
- Bangunan Kekal Dibina di Lot 47
(05.09.2018)

Maklum Balas JPNT yang Diterima pada 3 Oktober 2018

JPNT memaklumkan bahawa bangunan yang dibina adalah untuk dijadikan tempat pengumpulan hasil dan penyimpanan input pertanian. Bagaimanapun, amaran secara bertulis akan dikeluarkan kepada peserta berkenaan dan syarat larangan membina premis kekal akan dimasukkan di dalam surat perjanjian setelah dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Negeri.

Pada pendapat Audit, ketiadaan sistem pemantauan secara berkala oleh penyelia TKPM menyebabkan pembinaan bangunan kekal oleh peserta tidak dapat dikesan di peringkat awal.

c. Kerosakan Struktur Perlindungan Hujan (SPH)

- i. Mengikut garis panduan Pembangunan Projek TKPM, peserta bertanggungjawab untuk menyediakan bahan binaan dan keperluan bagi melaksanakan penyenggaraan dan pembaikan SPH dan kemudahan lain yang disediakan.
- ii. Semakan Audit terhadap empat (4) TKPM di Negeri Terengganu mendapati dua (2) daripada TKPM tersebut menjalankan penanaman secara fertigasi yang menggunakan Struktur Perlindungan Hujan (SPH) iaitu TKPM Tok Dor (Besut) dan TKPM Peradong (Kuala Terengganu). Lawatan Audit mendapati sebanyak 130 daripada 336 bay SPH telah mengalami kerosakan bumbung di TKPM Tok Dor, Besut. Setiap unit SPH mempunyai tiga (3) bay yang merupakan struktur atau kerangka berbentuk terowong bagi membolehkan atap plastik yang mempunyai lapisan perlindungan UV dipasang lebih kukuh. Hasil temu bual Audit dengan Penyelia TKPM Tok Dor, kerosakan bumbung SPH mula berlaku sejak bulan Oktober 2016 disebabkan angin dan ribut terutama pada musim tengkujuh. Kerosakan tersebut masih belum dibaiki oleh peserta sehingga lawatan Audit pada 19 Julai 2018 menyebabkan air hujan memasuki SPH. Pihak Audit juga dimaklumkan air hujan yang memasuki SPH boleh menjejaskan kualiti buah terutama Melon Manis Terengganu. Bilangan SPH dan keadaannya adalah seperti **Jadual 1.9** serta **Gambar 1.11** dan **Gambar 1.12**

JADUAL 1.9
BILANGAN SPH YANG MENGALAMI KEROSAKAN BUMBUNG MENGIKUT TAHUN

BIL.	TAHUN	BIL. SPH
1.	2016	46
2.	2017	69
3.	2018	15
JUMLAH		130

Sumber: TKPM Tok Dor

GAMBAR 1.11



**TKPM Tok Dor, Besut
- Bumbung SPH yang Rosak
(19.07.2018)**

GAMBAR 1.12



**TKPM Tok Dor, Besut
- Bumbung SPH yang Rosak
(19.07.2018)**

- iii. Hasil temu bual dengan ketua peserta mendapati kegagalan peserta menyenggara dan membaiki kerosakan SPH disebabkan kos pembaikan tinggi dan kekurangan modal peserta. Keadaan ini menyebabkan peserta terpaksa menukar jenis tanaman daripada Melon Manis Terengganu kepada tanaman-tanaman lain. Ini secara tidak langsung telah menjejaskan prestasi pendapatan peserta.

Maklum Balas JPNT yang Diterima pada 3 Oktober 2018

JPNT memaklumkan bahawa kawasan tersebut merupakan kawasan laluan angin lintang yang menyebabkan kerosakan SPH. Peserta tidak mempunyai modal yang mencukupi untuk membaiki kerosakan tersebut. Sehubungan itu, JPNT telah membenarkan peserta menanam jenis tanaman yang bersesuaian. JPNT bercadang untuk mewujudkan tabung wang pusingan yang disumbangkan oleh peserta dengan penyeliaan dan kawalan jabatan bagi tujuan penyenggaraan SPH.

Pada pendapat Audit, pengurusan SPH kurang memuaskan kerana peserta tidak mengambil tindakan penyenggaraan terhadap kerosakan yang berlaku menyebabkan penanaman menggunakan kaedah fertigasi tidak dapat dijalankan.

1.6.2.3. Jaminan Bank

- a. Berdasarkan surat Perjanjian Penyewaan Tanah, peserta hendaklah mengemukakan jaminan bank sebanyak 10% daripada kadar bayaran pajakan bagi keseluruhan tempoh pajakan selama 21 tahun sebagai bon jaminan pelaksanaan. Ini bagi memastikan peserta melaksanakan kewajipan mereka di bawah perjanjian ini.

- b. Semakan Audit terhadap jaminan bank peserta mendapati jaminan bank bagi tujuh (7) daripada 16 peserta di TKPM Rhu Tapai dan empat (4) daripada 22 peserta di TKPM Serating adalah kurang daripada 21 tahun. Jaminan bank tersebut dibuat bagi tempoh antara setahun hingga lima (5) tahun sahaja. Pihak Audit mendapati dokumen jaminan bank yang dikemukakan oleh peserta tidak dibuat penyemakan yang teliti oleh JPNT. Jaminan bank yang disediakan tidak mengikut tempoh perjanjian menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dijaga sekiranya berlaku kerosakan terhadap aset Kerajaan yang dipinjam dan pembayaran yang gagal dijelaskan oleh peserta. Butiran terperinci adalah seperti **Jadual 1.10**.

JADUAL 1.10
JAMINAN BANK YANG DISEDIAKAN OLEH PESERTA

BIL.	NO. LOT	SURAT PERJANJIAN				JAMINAN BANK YANG DISEDIAKAN OLEH PESERTA		
		TARIKH	TEMPOH PAJAKAN (Tahun)	TEMPOH JAMINAN BANK (Tempoh)	JUMLAH JAMINAN BANK (RM)	TEMPOH (Tahun)	BIL. (Tahun)	JUMLAH (RM)
1.	Lot 26A	19.08.15 hingga 18.08.35	20	21	870	12.11.15 - 11.11.16	1	870
2.	Lot 20A, 21A dan 22A	07.11.12 hingga 06.11.32	20	21	6,700	03.12.14 - 02.12.15	1	6,700
3.	Lot 5B, 15B, 16B, 17B, 18B, 19B dan 20B	13.07.17 hingga 12.07.37	20	21	7,274	15.08.17 - 14.08.18	1	7,274
	Lot 10B, 11B, 12B dan 14B	30.03.17 hingga 29.03.37	20	21	4,350	06.06.17 - 05.06.18	1	4,350
4.	Lot 1D, 2D, 3D, 4D, 5D, 6D, 7D dan 8D	05.04.17 hingga 04.04.37	20	21	10,078	01.06.17 - 30.05.22	5	10,078
5.	Lot 10A	22.03.17 hingga 21.03.37	20	21	872	22.03.17 - 21.03.18	1	872
6.	Lot 11A	20.03.17 hingga 19.03.37	20	21	906	20.03.17 - 19.03.18	1	906
7.	Lot 6B	28.09.16 hingga 27.09.36	20	21	900	01.01.17 - 31.12.17	1	900
8.	Lot 13	01.06.17 hingga 30.06.37	20	21	779	01.07.17 - 30.06.19	2	779
9.	Lot 16	15.01.16 hingga 14.01.36	20	21	680	14.03.18 - 14.03.19	1	680
10.	Lot 26	12.10.05 hingga 11.10.25	20	21	864	29.08.14 - 28.08.15	1	864
11.	Lot 65	01.07.17 hingga 02.07.37	20	21	738	23.07.17 - 22.07.18	1	738

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Jaminan Bank

Maklum Balas JPNT yang Diterima pada 3 Oktober 2018

JPNT memaklumkan bahawa ketiadaan pegawai khusus yang menyelia TKPM dan pertukaran pegawai yang menguruskan dokumentasi berkenaan menyebabkan semakan tidak dapat dilakukan dengan sempurna.

Pada pendapat Audit, pengurusan jaminan bank adalah memuaskan di mana 71.1% peserta telah menyediakan jaminan bank mengikut tempoh perjanjian.

1.6.2.4. Bayaran Sewa Tidak Dijelaskan

- a. Mengikut surat Perjanjian Penyewaan Tanah, peserta hendaklah menjelaskan bayaran penyewaan tanah pada tiap-tiap tahun dan tidak lewat daripada 15 haribulan Januari tahun berikutnya. Semakan Audit mendapati seramai 20 peserta di TKPM Tok Dor dan TKPM Peradong masih tidak dikenakan sewa pajakan kerana perjanjian sewaan masih belum disediakan oleh Jabatan Pertanian Malaysia menyebabkan Kerajaan tidak mendapat hasil dari sewaan tanah pajakan. Selain itu, sejumlah RM26,487 bayaran pajakan tidak dijelaskan oleh 11 daripada 16 peserta di TKPM Rhu Tapai antara satu (1) hingga dua (2) tahun. Manakala lapan (8) daripada 22 peserta di TKPM Serating tidak menjelaskan bayaran pajakan antara setahun (1) hingga tiga (3) tahun berjumlah RM7,582. Butiran terperinci adalah seperti **Jadual 1.11** dan **Jadual 1.12**.

JADUAL 1.11
BAYARAN SEWA PAJAKAN YANG TIDAK DIJELASKAN DI TKPM RHU TAPAI, SETIU

BIL.	NO. LOT	LUAS (Hektar)	BAYARAN PAJAKAN (RM)	TAHUN PAJAKAN			JUMLAH BAYARAN TIDAK DIJELASKAN (RM)
				2015	2016	2017	
1.	Lot 26A	4.35	435	/	X	/	435
2.	Lot 10A, 11A, 14A, 20A, 21A, 22A dan 23A	33.50	3,350	X	/	/	3,350
3.	Lot 35A, 36A, 37A dan 39A	16.49	1,649	X	/	/	1,649
	Lot 5B, 15B, 16B, 17B, 18B, 19B dan 20B	36.39	3,639	TB	TB	X	3,639
	Lot 10B, 11B, 12B dan 14B	21.75	2,175	TB	TB	X	2,175
4.	Lot 40A, 41A, 42A dan 43A	44.00	4,400	/	X	X	8,800
5.	Lot 25A	4.23	423	X	/	X	846
6.	Lot 6A dan 7A	8.12	812	TB	X	X	1,624
7.	Lot 8A dan 9A	8.16	816	TB	TB	X	816
8.	Lot 10A	4.36	436	TB	TB	X	436
9.	Lot 11A	4.53	453	TB	TB	X	453
10.	Lot 6B	4.50	450	TB	X	X	900
11.	Lot 4C, 5C dan 6C	13.64	1,364	TB	TB	X	1,364
JUMLAH							26,487

Sumber: Resit Bayaran Pajakan

JADUAL 1.12
BAYARAN SEWA PAJAKAN YANG TIDAK
DIJELASKAN DI TKPM SERATING, MARANG

BIL.	NO. LOT	LUAS (Ha)	BAYARAN PAJAKAN (RM)	TAHUN PAJAKAN			JUMLAH BAYARAN TIDAK DIJELASKAN (RM)
				2015	2016	2017	
1.	Lot 6 dan 8	7.71	771	X	X	X	2,313
2.	Lot 14 dan 15	7.79	779	/	/	X	779
3.	Lot 16	3.47	347	TB	X	X	694
4.	Lot 56	5.82	582	TB	TB	X	582
5.	Lot 26	4.32	432	/	/	X	432
6.	Lot 9	4.05	405	/	/	X	405
7.	Lot 34 dan 35	7.58	758	/	/	X	758
8.	Lot 49,54, 55 dan 58	16.19	1,619	X	/	/	1,619
JUMLAH							7,582

Sumber: Resit Bayaran Pajakan

- b. Pembayaran yang tidak dijelaskan disebabkan rekod pembayaran sewa tanah pajakan tidak disemak ketika peserta membuat pembayaran sewaan tahun semasa. Ini menyebabkan Kerajaan kehilangan hasil sejumlah RM34,069.

Maklum Balas JPNT yang Diterima pada 3 Oktober 2018

JPNT memaklumkan bahawa surat peringatan bagi menjelaskan bayaran tertunggak telah dikeluarkan kepada peserta berkenaan.

Pada pendapat Audit, pengurusan sewaan tidak memuaskan kerana sejumlah RM34,069 hasil sewaan tidak dikutip.

1.6.2.5. Perjanjian Baru/Tambahan Tidak Dibuat

- a. Garis Panduan TKPM menetapkan setiap peserta hendaklah menandatangani perjanjian penyertaan dan penyewaan bagi menjamin komitmen peserta dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian.
- b. Semakan Audit terhadap empat (4) TKPM mendapati TKPM Rhu Tapai dan TKPM Serating telah menyediakan perjanjian penyertaan dan penyewaan tanah pajakan setelah peserta bersetuju menerima tawaran penyertaan di dalam TKPM. Bagaimanapun, 32 peserta di TKPM Tok Dor dan empat (4) peserta di TKPM Peradong masih tidak menandatangani perjanjian penyertaan dan penyewaan sejak tarikh penyertaan antara setahun (1) hingga 12 tahun. Ini disebabkan Jabatan Pertanian belum menyediakan

perjanjian untuk ditandatangani oleh peserta. Bagaimanapun, semua peserta yang terlibat hanya menandatangani pernyataan aku janji sahaja.

- c. Semakan Audit mendapati JPNT tidak membuat perjanjian baru/tambahan bagi meminda perjanjian yang telah ditandatangani selepas berlaku perubahan keluasan lot tanah yang dipajakkan kepada peserta. Berdasarkan semakan Audit terhadap dokumen perjanjian dan resit pembayaran sewa pajakan, terdapat perbezaan keluasan tanah pajakan dalam perjanjian dengan keluasan tanah pajakan yang diusahakan oleh peserta yang melibatkan dua (2) peserta di TKPM Rhu Tapai dan satu (1) peserta di TKPM Serating. Mengikut surat penamatan, sebahagian tanah pajakan telah dibuat penamatan kerana tidak diusahakan oleh peserta terlibat. Bagaimanapun, pengurangan tanah pajakan masih tidak dibuat perjanjian baru/tambahan bagi menggantikan perjanjian lama seperti **Jadual 1.13**.

JADUAL 1.13
PERJANJIAN BARU/TAMBAHAN TIDAK DIBUAT
WALAUPUN KELUASAN TANAH PAJAKAN BERUBAH

BIL.	NO. LOT	LOKASI TKPM	DOKUMEN PERJANJIAN			LUAS LOT TERKINI (Hektar)	PERBEZAAN KELUASAN LOT (Hektar)
			TARIKH	LUAS LOT ASAL (Hektar)	KADAR SEWA PAJAKAN TAHUNAN (RM)		
1.	Lot 3A, 4A dan 5A	Rhu Tapai	07.03.2012	31.15	3,115	14.37	(16.78)
2.	Lot 10A, 11A, 14A, 20A, 21A, 22A dan 23A	Rhu Tapai	15.05.2013	33.50	3,350	15.32	(18.18)
3.	Lot 63, 64 dan 66	Serating	02.04.2012	16.34	1,634	12.65	(3.69)

Sumber: Dokumen Perjanjian dan Senarai Peserta

Maklum Balas JPNT yang Diterima pada 3 Oktober 2018

JPNT memaklumkan bahawa perjanjian baru akan dibuat mengikut keluasan sebenar lot peserta dan peruntukan khusus diperlukan untuk kerja-kerja mengukur sempadan.

Pada pendapat Audit, pengurusan dokumen perjanjian adalah tidak memuaskan kerana dokumen perjanjian tidak disediakan di TKPM Tok Dor dan TKPM Peradong. Manakala perjanjian baru/tambahan juga tidak disediakan bagi menyatakan keluasan sebenar lot peserta setelah berlaku perubahan keluasan lot di TKPM Rhu Tapai dan TKPM Serating.

1.6.3. Pemantauan dan Penyeliaan

MoU dan Garis Panduan Pembangunan Projek TKPM telah menetapkan pemantauan dan penyeliaan hendaklah dilakukan bagi melancarkan dan menjayakan objektif TKPM dengan penubuhan pelbagai jawatankuasa.

1.6.3.1. Jawatankuasa Pemandu

- a. Berdasarkan Artikel VI MoU, Kerajaan Negeri dikehendaki menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu untuk menyelaraskan perkara yang berkaitan dengan tanggungjawab dan obligasi Kerajaan Negeri seperti isu tanah, kadar pajakan dan aktiviti pertanian yang akan dikendalikan dalam kawasan TKPM berkenaan. Jawatankuasa Pemandu ini hendaklah dipengerusikan oleh Y.B. Exco Pertanian Negeri dan dianggotai oleh wakil dari jabatan dan agensi Kerajaan Negeri yang berkenaan.
- b. Semakan Audit mendapati tiada bukti mesyuarat Jawatankuasa Pemandu telah diadakan bagi tempoh tahun 2015 hingga bulan Julai 2018. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pelaksanaan projek dipantau oleh jawatankuasa ini.

1.6.3.2. Jawatankuasa Pelaksanaan TKPM

- a. Mengikut Garis Panduan Pembangunan Projek TKPM yang dikeluarkan pada tahun 2017, Jawatankuasa Pelaksanaan TKPM peringkat negeri hendaklah bermesyuarat sebanyak enam (6) kali setahun yang dipengerusikan oleh Pengarah Negeri bagi memantau pembangunan dan aktiviti di TKPM.
- b. Semakan Audit mendapati *Standard Operating Procedure (SOP)* TKPM sebelum tahun 2017 tidak menyatakan kaedah dan kekerapan pemantauan yang dilaksanakan. Bagaimanapun, JPNT telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat (4) kali bagi tempoh tahun 2015 dan tiga (3) kali bagi tahun 2016, bertujuan memantau kemajuan pelaksanaan aktiviti TKPM. Bagi tempoh tahun 2017, JPNT telah mengadakan mesyuarat Pelaksanaan TKPM sebanyak empat (4) kali berbanding enam (6) kali seperti yang ditetapkan oleh garis panduan. Manakala sekali mesyuarat Pelaksanaan TKPM diadakan setakat bulan Julai 2018.

1.6.3.3. Laporan Kemajuan TKPM

- a. Mengikut Garis Panduan Pembangunan Projek TKPM, laporan kemajuan aktiviti projek tanaman hendaklah diisi secara bulanan dan disahkan oleh Pegawai Pertanian Daerah melalui sistem Agris Geoportal.

- b. Semakan Audit mendapati maklumat dan aktiviti penanaman di TKPM telah dimasukkan dalam sistem Agris Geoportal setiap bulan dan dikemukakan ke Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Malaysia. Maklumat dimasukkan oleh Penyelia TKPM dan disahkan oleh Pegawai Pertanian Daerah setelah semakan pengeluaran dibuat oleh Penyelia TKPM terhadap semua peserta.

Maklum Balas JPNT yang Diterima pada 3 Oktober 2018

JPNT memaklumkan bahawa perbincangan akan diadakan dengan Kerajaan Negeri bagi menubuhkan Jawatankuasa Pemandu TKPM. Manakala Jawatankuasa Pelaksanaan TKPM akan mengadakan mesyuarat mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penyeliaan terhadap projek TKPM adalah tidak berkesan kerana Jawatankuasa Pemandu TKPM tidak mengadakan mesyuarat dan Jawatankuasa Pelaksanaan TKPM mengadakan mesyuarat tidak mengikut kekerapan yang ditetapkan.

1.7. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi kos yang dibelanjakan, adalah disyorkan Jabatan Pertanian Negeri Terengganu (JPNT) mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- 1.7.1. dokumen perjanjian bagi TKPM Tok Dor dan TKPM Peradong perlu disediakan untuk memastikan peserta yang melanggar syarat yang ditetapkan boleh diambil tindakan;
- 1.7.2. terma denda bagi kegagalan pembayaran sewa tanah pajakan perlu dimasukkan dalam syarat perjanjian bagi memastikan hasil Kerajaan dikutip mengikut tempoh ditetapkan;
- 1.7.3. memastikan semua peserta mengemukakan jaminan bank mengikut tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian bagi menjaga kepentingan Kerajaan; dan
- 1.7.4. pemantauan berkala dan berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan semua syarat dalam surat tawaran dan dokumen perjanjian dipatuhi termasuk pengusahaan semua lot tanah yang dipajak.

**MAJLIS DAERAH BESUT
BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**

2. PENGURUSAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PELUPUSAN SISA PEPEJAL

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Majlis Daerah Besut (MDB) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Keluasan kawasan pentadbiran MDB pada awal penubuhannya adalah 81.92 km persegi atau kira-kira 7% daripada keseluruhan luas daerah Besut yang merangkumi pekan utama/kawasan penempatan iaitu Kuala Besut, Kampung Raja, Alor Lintang, Alor Lintah, Jerteh, Jabi, Apal dan Pasir Akar. Pertambahan keluasan kawasan pentadbiran MDB kepada 1,233.676 km persegi telah diwartakan pada 18 Julai 1996. Terdapat tiga (3) bandar utama dan empat (4) pusat penempatan yang memainkan peranan penting dalam menawarkan barangan, perkhidmatan dan pentadbiran kepada penduduk dalam kawasan MDB.

2.1.2. MDB bertanggungjawab menyenggara kawasan pentadbirannya supaya sentiasa bersih, indah dan selamat didiami selaras dengan slogan MDB iaitu 'Bersih Budaya Besut' dan salah satu prinsip Transformasi Terengganu Baharu (TTB) – Kebersihan Luaran dan Dalaman. Antara langkah yang dijalankan untuk mencapai objektif ini adalah dengan menyediakan perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal yang teratur dan sistematik di seluruh kawasan pentadbiran MDB di bawah seliaan Bahagian Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan Awam. Bahagian ini diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran gred U29 dan dibantu oleh seramai 22 kakitangan.

2.1.3. Perkhidmatan pembersihan dan kutipan sisa pepejal di daerah Besut dibahagikan kepada 16 zon operasi iaitu 13 zon bagi perkhidmatan pembersihan, dua (2) zon bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal serta satu (1) zon bagi perkhidmatan pembersihan dan kutipan sisa pepejal iaitu di Pulau Perhentian. Perkhidmatan ini dikendalikan sepenuhnya oleh kontraktor yang dilantik melalui proses tender oleh Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (BKT). Perolehan pengurusan perkhidmatan pembersihan dan kutipan sisa pepejal bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah berjumlah RM25.05 juta.

2.1.4. MDB memiliki satu (1) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal (TPSP) yang terletak di Kampung Paya Rawa, Besut dengan keluasan 13.3 hektar. Berdasarkan rekod data sisa pepejal, sebanyak 25,346.78 tan metrik sampah telah dilupuskan di TPSP bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal oleh MDB telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu untuk memastikan kawasan pentadbiran MDB sentiasa bersih, indah dan selamat.

2.3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi dua (2) bidang Audit utama iaitu prestasi dan pengurusan terhadap perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017. Prestasi perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Manakala pengurusan perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal pula meliputi perkara berkaitan pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal, pematuan kerja kontraktor berdasarkan syarat kontrak ditetapkan dan pengurusan pentadbiran kontrak. Pengauditan terhadap 16 (100%) kontrak perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal bernilai RM25.05 juta telah dijalankan di MDB dan BKT. Selain itu, pemeriksaan fizikal juga telah dilakukan di lima (5) atau 35.7% daripada 14 zon pembersihan sebagai sampel Audit untuk menilai tahap kerja pembersihan yang dijalankan.

2.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis data berkaitan pengurusan pembersihan dan sisa pepejal. Temu bual bersama pegawai yang terlibat dalam pengurusan tersebut juga dilaksanakan. Lawatan Audit turut dijalankan di TPSP dan di lima (5) daripada 14 zon pembersihan.

2.5. RUMUSAN AUDIT

2.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2018 merumuskan perkara berikut:

i. Prestasi Perkhidmatan Pembersihan dan Pelupusan Sisa Pepejal

Perkhidmatan pembersihan secara keseluruhannya adalah memuaskan kerana kerja-kerja pembersihan telah dijalankan mengikut syarat kerja yang ditetapkan dalam kontrak. Manakala perkhidmatan pelupusan sisa pepejal adalah tidak memuaskan kerana pelupusan sisa pepejal di TPSP MDB tidak dijalankan mengikut kaedah ditetapkan antaranya sel pelupusan tidak digunakan secara maksimum dan sistem pengaliran air resapan tidak berfungsi.

ii. Pengurusan Perkhidmatan Pembersihan dan Pelupusan Sisa Pepejal

Bagi aspek pengurusan perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal, pihak Audit mendapati beberapa perkara yang boleh dipertingkatkan terutamanya dalam pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal, pematuan kerja kontraktor berdasarkan syarat kontrak yang telah ditetapkan dan pengurusan pentadbiran kontrak.

2.5.2. Beberapa penemuan penting yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- i. sel-sel pelupusan tidak digunakan secara maksimum di mana Sel 2 telah digunakan walaupun Sel 1 belum mencapai tahap penggunaan maksimum;
- ii. kerosakan pam motor di kolam air resapan TPSP menyebabkan sistem pengaliran air resapan tidak berfungsi;
- iii. penutupan sisa pepejal dengan tanah secara harian di TPSP tidak dibuat; dan
- iv. tindakan tegas tidak diambil ke atas empat (4) kontraktor yang melakukan kesalahan berulang.

2.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada MDB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 7 Ogos 2018. Penjelasan lanjut mengenai penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

2.6.1. Prestasi Perkhidmatan Pembersihan

2.6.1.1. Berdasarkan dokumen kontrak perkhidmatan pembersihan - klausa 4.1.2, 4.1.5 dan 9.5, kontraktor hendaklah memastikan rumput dipotong dengan pendek dan kemas pada setiap masa. Kesemua rumput rampai dan semak samun yang dipotong dalam kawasan kerja hendaklah disapu/dibersihkan, dikumpul dan dibuang ke tapak pelupusan. Selain itu, pihak kontraktor hendaklah membuat pembersihan dan penyenggaraan longkang besar dan parit tanah atau mana-mana longkang dalam kawasan kontrak supaya pengaliran air berjalan dengan sempurna.

2.6.1.2. Pemeriksaan Audit di lima (5) daripada 14 zon pembersihan mendapati, terdapat kerja-kerja pembersihan di sebahagian kawasan yang dilawati tidak dibuat dengan sempurna mengikut syarat kerja yang ditetapkan dalam kontrak seperti pemotongan rumput tidak sempurna dan longkang tidak

dibersihkan. Ini disebabkan kelemahan pemantauan oleh kakitangan MDB yang dilantik bagi setiap kawasan berkenaan. Selain itu, tidak ada tindakan tegas/berkesan diambil oleh MDB terhadap kontraktor yang tidak menjalankan kerja dengan sempurna. Perkara ini boleh menjejaskan objektif MDB untuk memastikan kawasan pentadbirannya sentiasa bersih, indah dan selamat sejajar dengan slogan MDB iaitu 'Bersih Budaya Besut'. Maklumat lanjut adalah seperti **Jadual 2.1** dan **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.6**.

JADUAL 2.1
KERJA-KERJA PEMBERSIHAN TIDAK DILAKSANAKAN DENGAN SEMPUrna

BIL.	NO. KONTRAK	LOKASI/ZON OPERASI	PENEMUAN
1.	MDB (PB)1/15	Surau Hadhari	Pemotongan rumput tidak sempurna
		Bazar MDB	Bahagian tepi tangga tidak dibersihkan
2.	MDB (PB) 2/15	Taman Desa Tanjung	Pemotongan rumput tidak sempurna
			Longkang tidak dibersihkan

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 2.1



Surau Hadhari
- Rumput Tidak Dipotong
(23.04.2018)

GAMBAR 2.2



Taman Desa Tanjung
- Rumput Tidak Dipotong
(24.04.2018)

GAMBAR 2.3



Taman Desa Tanjung
- Rumput Dipotong Tidak Dibersihkan
(24.04.2018)

GAMBAR 2.4



Bazar MDB
- Bahagian Tangga Dipenuhi Sampah Sarap
(23.04.2018)

GAMBAR 2.5



**Taman Desa Tanjung
- Longkang Besar Tidak Dibersihkan
(24.04.2018)**

GAMBAR 2.6



**Taman Desa Tanjung
- Longkang Tidak Dibersihkan
(24.04.2018)**

Maklum Balas MDB yang Diterima pada 5 Ogos 2018.

MDB telah mengarahkan kontraktor menjalankan kerja-kerja pembersihan pada 25 Julai 2018.

Pada pendapat Audit, prestasi perkhidmatan pembersihan adalah memuaskan kerana secara keseluruhannya kerja pembersihan telah dibuat mengikut syarat kontrak.

2.6.2. Pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal

Tapak pelupusan milik MDB yang terletak di Kampung Paya Rawa (Pengkalen Keling), Besut dengan keluasan 13.3 hektar telah beroperasi sejak tahun 1981 dan dikendalikan sepenuhnya oleh kakitangan MDB. Tapak pelupusan ini telah dinaiktaraf ke tahap tiga (3) (*sanitary landfill with leachate recirculation system*) pada tahun 2012 dengan dilengkapi kemudahan seperti benteng penahan sisa pepejal, dua (2) sel pelupusan, sistem pelepasan gas, saluran air permukaan, kolam penakungan air resapan, sistem pengaliran air resapan, jambatan timbang, pondok pengawal dan tempat basuhan lori kompaktor. Semakan Audit terhadap operasi TPSP MDB mendapati perkara seperti berikut:

2.6.2.1. Sel-sel Pelupusan Tidak Digunakan Secara Maksimum

- a. Berdasarkan dokumen panduan operasi TPSP MDB – perkara 3.1.4, operasi tapak pelupusan hendaklah mematuhi peraturan dan manual operasi yang ditetapkan bagi memastikan sel pelupusan digunakan secara maksimum. Terdapat dua (2) sel pelupusan disediakan dalam TPSP iaitu Sel 1 dan Sel 2. Di dalam sel-sel pelupusan tersebut pula, terdapat beberapa tiang saluran gas yang berfungsi sebagai medium pelepasan gas dan sebagai penanda aras tambunan sisa pepejal. Sisa pepejal yang telah ditambun hendaklah mencapai aras ditetapkan pada tiang tersebut sebelum kawasan lain dalam sel digunakan bagi memastikan penggunaan maksimum setiap sel pelupusan.

- b. Pemeriksaan fizikal Audit pada 24 April 2018 mendapati penggunaan sel pelupusan adalah tidak maksimum di mana Sel 2 telah pun digunakan sedangkan tambunan sisa pepejal di dalam Sel 1 belum mencapai aras ditetapkan dan terdapat bahagian belakang kawasan dalam Sel 1 yang masih belum digunakan. Keadaan kawasan dalam Sel 1 dan Sel 2 adalah seperti **Gambar 2.7** hingga **Gambar 2.9**.

GAMBAR 2.7




Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDB
- Sisa Pepejal di Sel 1 Tidak Mencapai Aras Ketinggian Tiang Saluran Gas
(24.04.2018)

GAMBAR 2.8



Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDB
- Bahagian Belakang Sel 1 Belum Digunakan
(24.04.2018)



GAMBAR 2.9

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDB
- Bahagian Sel 2 yang Telah Digunakan
(24.04.2018)

Maklum Balas MDB yang Diterima pada 5 Ogos 2018.

MDB memaklumkan keadaan ini berlaku kerana keadaan tanah mendap dalam kawasan Sel 1 khususnya apabila hujan berterusan dan air bertakung yang menyebabkan laluan jentera tenggelam dalam timbunan sampah. MDB sedang berusaha memastikan Sel 1 digunakan secara maksimum dengan cara penambakan terhadap tanah yang mendap dan Sel 2 akan digunakan pada musim tengkujuh sahaja.

Pada pendapat Audit, penggunaan sel pelupusan adalah tidak memuaskan kerana tidak digunakan secara maksimum menyebabkan pelupusan sisa pepejal tidak dapat dibuat secara teratur dan sistematik serta memendekkan jangka hayat TPSP.

2.6.2.2. Sistem Pengaliran Air Resapan Tidak Berfungsi

- a. Berdasarkan 1PP – AM2.5, Penyelenggaraan Aset - Penyelenggaraan Pembaikan Membaiki Kerosakan (*Corrective Maintenance*) ialah tindakan membaiki atau mengganti komponen apabila berlaku kerosakan/kegagalan supaya aset dapat berfungsi semula mengikut piawaian yang ditetapkan.
- b. Pam motor dan *aerator* merupakan komponen utama dalam sistem pengaliran air resapan di TPSP MDB. Pam motor berfungsi untuk menggerakkan *aerator* yang berperanan untuk mempercepatkan proses penguraian air resapan dan menghilangkan bau busuk. Pemeriksaan fizikal Audit pada 24 April 2018 mendapati sebanyak dua (2) unit pam motor dan empat (4) unit *aerator* telah disediakan bagi sistem pengaliran air resapan di TPSP. Bagaimanapun, sistem pengaliran air resapan tersebut tidak berfungsi kerana kerosakan pada kedua-dua unit pam motor yang menyebabkan empat (4) unit *aerator* di kolam air resapan tidak berfungsi. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh sebenar kerosakan peralatan tersebut kerana tidak ada laporan kerosakan disediakan oleh Bahagian Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan Awam kepada Bahagian Kejuruteraan. Kegagalan sistem pengaliran air resapan berfungsi menimbulkan bau busuk di sekitar kolam tersebut dan di sel pelupusan. **Gambar 2.10** dan **Gambar 2.11** adalah berkaitan.

GAMBAR 2.10



Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDB
- Pam Motor Kolam Air Resapan
(*Leachate*) Rosak
(24.04.2018)

GAMBAR 2.11



Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDB
- *Aerator* di Kolam Air Resapan
(*Leachate*) Tidak Berfungsi
(24.04.2018)

Maklum Balas MDB yang Diterima pada 5 Ogos 2018.

MDB memaklumkan antara sebab peralatan rosak dan tidak dibaiki adalah kerana kekurangan peruntukan, kakitangan MDB tidak mahir untuk membaiki kerosakan peralatan dan aduan kerosakan tidak dibuat secara bertulis. MDB telah memohon peruntukan sejumlah RM249,700 daripada BKT untuk memperbaiki peralatan di TPSP. Bagaimanapun, BKT telah memaklumkan peruntukan tidak mencukupi.

Pada pendapat Audit, pengurusan sistem pengaliran air resapan adalah tidak memuaskan kerana kerosakan pam motor menyebabkan sistem ini tidak berfungsi.

2.6.2.3. Penutupan Sisa Pepejal Dengan Tanah Secara Harian Tidak Dibuat

- a. Berdasarkan dokumen panduan operasi TPSP MDB – perkara 4.2.1.1, penyediaan penutup tanah bertujuan mengelakkan bau busuk sisa pepejal yang telah ditambun mencemarkan udara, mengelakkan sisa pepejal tersebut diselongkar oleh haiwan dan menjadi tempat pembiakan lalat. Aktiviti penutupan tambunan sisa pepejal dibuat pada sebelah petang selepas waktu operasi berakhir setiap hari.
- b. Pemeriksaan Audit pada 24 April 2018 mendapati tambunan sisa pepejal tidak ditutupi dengan tanah selepas waktu operasi berakhir. Berdasarkan temu bual Audit bersama kakitangan MDB yang bertugas di TPSP, aktiviti penutupan sisa pepejal dengan tanah secara harian tidak pernah dibuat oleh MDB. Keadaan sisa pepejal yang tidak disediakan penutup tanah adalah seperti **Gambar 2.12** dan **Gambar 2.13**.

GAMBAR 2.12



Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDB
- Sisa Pepejal di Sel 1 Tidak Ditutup Dengan Tanah
(24.04.2018)

GAMBAR 2.13



Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDB
- Sisa Pepejal di Sel 2 Tidak Ditutup Dengan Tanah
(24.04.2018)

- c. Kegagalan MDB menjalankan aktiviti penutupan sisa pepejal dengan tanah secara harian menyebabkan sisa pepejal yang telah ditambun mudah diselongkar oleh haiwan dan menimbulkan bau busuk di TPSP.

Maklum Balas MDB yang Diterima pada 5 Ogos 2018.

MDB memaklumkan aktiviti penutupan sisa pepejal dengan tanah secara harian tidak dapat dilaksanakan atas faktor kekurangan jentera yang sesuai dan sempurna di tapak pelupusan seperti jentera pemampat, kos tanah yang tinggi (RM75/lori @ 5 - 8 lori sehari= RM375 - RM600/hari), kos pembaikan jentolak (*bulldozer*) yang tinggi dan waktu operasi lori kutipan sisa pepejal sehingga tengah malam.

Pada pendapat Audit, pengurusan penutupan sisa pepejal adalah tidak memuaskan kerana penutupan sisa pepejal dengan tanah secara harian tidak dibuat.

2.6.3. Pengurusan Perkhidmatan Pembersihan dan Pelupusan Sisa Pepejal

2.6.3.1. Data Pelupusan Sisa Pepejal Tidak Tepat

- a. Berdasarkan dokumen panduan operasi TPSP MDB - perkara 3.1.1(c), rekod data sisa pepejal melibatkan jenis kenderaan yang keluar masuk ke tapak dan muatan sisa pepejal yang dihantar perlu sentiasa dikemas kini.
- b. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, jumlah sisa pepejal yang dilupuskan di TPSP adalah sebanyak 25,346.78 tan metrik sisa pepejal. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati data tersebut adalah tidak tepat kerana waktu operasi jambatan timbang berbeza dengan waktu operasi lori kutipan sisa pepejal. Berdasarkan dokumen panduan operasi TPSP dan dokumen kontrak, waktu operasi jambatan timbang di TPSP adalah selama sembilan (9) jam sehari lima (5) hari seminggu iaitu dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari Ahad hingga Khamis. Manakala waktu operasi lori kutipan sisa pepejal adalah selama 17 jam setiap hari tujuh (7) hari seminggu iaitu dari pukul 7.30 pagi hingga 12.30 malam. Ini menunjukkan data tersebut tidak mengambikira sisa pepejal yang dilupuskan selepas pukul 5.00 petang sehingga pukul 12.30 malam pada hari Ahad hingga Khamis dan juga pada hujung minggu di mana operator jambatan timbang tidak bertugas pada waktu tersebut. Rekod data sisa pepejal yang disediakan oleh MDB adalah seperti **Jadual 2.2**.

JADUAL 2.2
REKOD DATA SISA PEPEJAL MDB BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

TAHUN	BERAT BERSIH (Tan Metrik)
2015	9,991.35
2016	8,988.70
2017	6,366.73
JUMLAH	25,346.78

Sumber: MDB

Maklum Balas MDB yang Diterima pada 5 Ogos 2018


MDB telah mengambil tindakan menambah bilangan kakitangan yang bertugas dengan mengadakan sistem waktu bertugas mengikut syif bermula bulan Ogos 2018.

Pada pendapat Audit, perekodan data pelupusan sisa pepejal di TPSP adalah tidak memuaskan kerana tidak mengambil kira pelupusan sisa pepejal selepas waktu operasi jambatan timbang.

2.6.3.2. Kawasan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Tidak Berpagar Sepenuhnya

- a. Berdasarkan dokumen panduan operasi TPSP MDB – perkara 8.4.1, pemasangan pagar hendaklah dibuat bagi mengelakkan haiwan memasuki kawasan tapak pelupusan serta menyelongkar sisa pepejal yang telah dilupuskan.
- b. Lawatan Audit ke TPSP pada 24 April 2018 mendapati bahagian kiri kawasan TPSP tidak berpagar dan terdedah kepada risiko pencerobohan manusia dan haiwan seperti lembu dan anjing. Keadaan kawasan TPSP yang tidak berpagar dan terdapat lembu yang berkeliaran dalam kawasan TPSP adalah seperti **Gambar 2.14** dan **Gambar 2.15**.

GAMBAR 2.14



Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDB
- Bahagian Kiri TPSP Tidak Berpagar
(24.04.2018)

GAMBAR 2.15



Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MDB
- Lembu-lembu Berkeliaran Dalam TPSP
(24.04.2018)

Maklum Balas MDB yang Diterima pada 5 Ogos 2018.

MDB memaklumkan telah menerima Tapak Pelupusan daripada KPKT dalam keadaan sedemikian pada tahun 2014. Setelah menerima teguran Audit, MDB telah membuat permohonan peruntukan sejumlah RM249,700 kepada BKT tetapi tidak diluluskan kerana tiada peruntukan.

Pada pendapat Audit, kawalan keselamatan di TPSP MDB adalah tidak memuaskan kerana tidak berpagar sepenuhnya sekaligus terdedah kepada risiko pencerobohan manusia dan haiwan.

2.6.3.3. Tindakan Tegas Tidak Diambil ke Atas Kontraktor yang Melakukan Kesalahan Berulang

- a. Berdasarkan fasal 20 - syarat kontrak perkhidmatan pembersihan dan fasal 11 - syarat kontrak perkhidmatan kutipan sisa pepejal, kontraktor dikehendaki menjalankan kerja-kerja pembersihan dan kutipan sisa pepejal dengan sempurna. Bagi memastikan syarat yang ditetapkan dipatuhi oleh semua kontraktor, MDB telah menetapkan 11 jenis kesalahan yang boleh dikenakan denda kepada kontraktor perkhidmatan pembersihan dan 14 jenis kesalahan yang boleh dikenakan denda kepada kontraktor kutipan sisa pepejal seperti **Jadual 2.3** dan **Jadual 2.4**.

JADUAL 2.3
JENIS KESALAHAN DAN KADAR DENDA YANG BOLEH
DIKENAKAN KEPADA KONTRAKTOR PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN

BIL.	JENIS KESALAHAN	KADAR DENDA (RM)
1.	Pekerja tidak mencukupi	RM30.00/orang/hari
2.	Tidak memakai pakaian seragam	RM30.00/orang/hari
3.	Gagal membuat gantian pekerja yang bercuti atau berhenti	RM30.00/orang/hari
4.	Tidak membekal peralatan kerja secukupnya	RM50.00/unit/hari
5.	Gagal menyediakan lori terbuka	RM200.00/hari
6.	Gagal membuat gantian lori terbuka	RM200.00/hari
7.	Gagal mempamerkan tanda nama di badan lori terbuka	RM30.00/hari
8.	Gagal menyedia/mengguna penutup lori terbuka	RM30.00/hari
9.	Melakukan pembakaran sisa pembersihan	RM100.00/hari
10.	Meninggalkan timbunan/longgokan sisa pembersihan	RM100.00/hari
11.	Sampah tidak dilupus di Tapak Pelupusan Sampah	RM100.00/trip

Sumber: MDB

JADUAL 2.4
JENIS KESALAHAN DAN KADAR DENDA YANG BOLEH
DIKENAKAN KEPADA KONTRAKTOR PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL

BIL.	JENIS KESALAHAN	KADAR DENDA (RM)
1.	Pekerja tidak mencukupi	RM120.00/orang/hari
2.	Tidak memakai pakaian seragam	RM30.00/orang/hari
3.	Gagal membuat gantian pekerja yang bercuti atau berhenti	RM120.00/orang/hari
4.	Tidak membekal peralatan kerja secukupnya	RM30.00/unit/hari
5.	Gagal menyediakan lori terbuka	RM300.00/hari
6.	Gagal membuat gantian lori terbuka	RM300.00/hari
7.	Gagal mempamerkan tanda nama di badan lori terbuka	RM200.00/hari
8.	Gagal menyedia/mengguna penutup lori terbuka	RM120.00/hari
9.	Pekerja tidak berdisiplin dan gagal mematuhi arahan Majlis	RM100.00/orang/hari
10.	Gagal melakukan pembersihan 5 meter jejari dari tong	RM200.00/lokasi/tong
11.	Tidak basuh dan disinfeksi tong sampah	RM50.00/tong/hari
12.	Gagal membuat gantian lori kompaktor	RM300.00/hari
13.	Sampah tidak dilupus di Tapak Pelupusan Sampah	RM500.00/trip
14.	Tidak basuh lori kompaktor	RM50.00/lori/hari

Sumber: MDB

- b. Berdasarkan syarat kontrak – fasal 24.2 dan fasal 25, MDB telah menetapkan prosedur tindakan terhadap kontraktor yang melanggar syarat kontrak tanpa sebab yang munasabah. Antara tindakan yang boleh diambil meliputi teguran lisan dan pengeluaran tiga (3) notis peringatan sehingga penamatan kontrak. Semakan Audit terhadap laporan pemotongan bayaran bagi kerja-kerja yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor yang disediakan oleh penyelia zon operasi mendapati, terdapat dua (2) jenis kesalahan yang sering dilakukan oleh dua (2) kontraktor perkhidmatan pembersihan pada setiap bulan iaitu kegagalan menyediakan bilangan pekerja yang mencukupi dan menggantikan pekerja yang bercuti atau berhenti. Selain itu, terdapat tiga (3) jenis kesalahan yang sering dilakukan pada setiap bulan oleh dua (2) kontraktor perkhidmatan kutipan sisa pepejal iaitu kegagalan melakukan pembersihan lima (5) meter jejari dari tong sampah, tidak membasuh dan disinfeksi tong sampah serta tidak membasuh lori kompaktor. Maklumat lanjut adalah seperti **Jadual 2.5**.

JADUAL 2.5
JENIS KESALAHAN BERULANG

JENIS KESALAHAN BERGELANG															
BIL.	JENIS KESALAHAN	NO. KONTRAK	BULAN												DIS
			JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV		
PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN															
1.	Pekerja tidak mencukupi	MDB(PB) 10/15		X	X	X	X	X					X		
		MDB(PB) 11/15		X	X	X	X						X		
2.	Gagal membuat gantian pekerja yang bercuti atau berhenti	MDB(PB) 10/15		X	X			X	X	X			X		
		MDB(PB) 11/15		X	X	X	X	X	X	X			X		
PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL															
1.	Gagal melakukan pembersihan 5 meter jejari dari tong	MDB(PB) 16/15		X		X	X				X	X			
2.	Tidak basuh dan disinfeksi tong sampah	MDB(PB) 15/15	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X		
		MDB(PB) 16/15	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X		
3.	Tidak basuh lori kompaktor	MDB(PB) 16/15	X	X	X	X				X			X		

Sumber: MDB

- c. Selain daripada tindakan mengenakan denda kepada kontraktor atas kesalahan berulang tersebut, pihak Audit mendapati MDB tidak mengambil tindakan lebih tegas/berkesan seperti mengeluarkan notis peringatan secara bertulis dan seterusnya menamatkan kontrak.

Maklum Balas MDB yang Diterima pada 5 Ogos 2018

MDB berpendapat kesalahan tersebut adalah kesalahan minor sahaja yang tidak menjejaskan keseluruhan kerja kontrak pembersihan dan tiada aduan awam diterima berkaitan kesalahan tersebut. Jenis kesalahan tersebut

adalah percubaan kali pertama (*first trial*) yang dimasukkan dalam kontrak pembersihan awam bagi menilai sama ada syarat baru yang ditetapkan dapat dipatuhi sepenuhnya atau sebaliknya untuk penambahbaikan kepada kontrak akan datang.

Pada pendapat Audit, MDB perlu mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap kontraktor yang melakukan kesalahan berulang seperti ditetapkan oleh prosedur tindakan dalam syarat kontrak.

2.6.3.4. Dokumen Kontrak Lewat Ditandatangani

- a. Berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan – Pentadbiran Kontrak 4, kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) ditandatangani. Semakan Audit terhadap pengurusan 16 dokumen kontrak mendapati semua aspek berkaitan seperti penyediaan had nilai tender, dokumen tender, pengiklanan, pembukaan tawaran tender, penilaian, pertimbangan, keputusan Jawatakuasa Lembaga Perolehan dan sebagainya telah dipatuhi kecuali 15 kontrak lewat ditandatangani antara 17 hingga 53 hari selepas SST ditandatangani. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.6**.

JADUAL 2.6
DOKUMEN KONTRAK LEWAT DITANDATANGANI

BIL.	NO. KONTRAK	TARIKH SST DITANDATANGANI	TARIKH DOKUMEN KONTRAK DITANDATANGANI		BIL. LEWAT (Hari)
			SEPATUT	SEBENAR	
1.	MDB(PB)09/15	17.12.2015	16.04.2016	08.06.2016	53
2.	MDB(PB)16/15	17.12.2015	16.04.2016	08.06.2016	53
3.	MDB(PB) 1/15	17.12.2015	16.04.2016	31.05.2016	45
4.	MDB(PB) 2/15	17/12/2015	16/04/2016	31/05/2016	45
5.	MDB(PB)14/15	17.12.2015	16.04.2016	08.05.2016	21
6.	MDB(PB)08/15	17.12.2015	16.04.2016	04.05.2016	18
7.	MDB(PB)04/15	17.12.2015	16.04.2016	04.05.2016	18
8.	MDB(PB)06/15	17.12.2015	16.04.2016	04.05.2016	18
9.	MDB(PB)07/15	17.12.2015	16.04.2016	04.05.2016	18
10.	MDB(PB)10/15	17.12.2015	16.04.2016	04.05.2016	18
11.	MDB(PB)11/15	17.12.2015	16.04.2016	04.05.2016	18
12.	MDB(PB)12/15	17.12.2015	16.04.2016	04.05.2016	18
13.	MDB(PB)13/15	17.12.2015	16.04.2016	04.05.2016	18
14.	MDB(PB)15/15	17.12.2015	16.04.2016	04.05.2016	18
15.	MDB(PB)03/15	17.12.2015	16.04.2016	03.05.2016	17

Sumber: MDB

- b. Pihak Audit dimaklumkan antara punca kelewatan tersebut adalah disebabkan kontraktor lewat menghantar dokumen sokongan seperti polisi

insurans dan bon pelaksanaan kepada MDB sebelum dihantar kepada Pegawai Kewangan Negeri (PKN) untuk urusan tandatangan.

Maklum Balas MDB yang Diterima pada 5 Ogos 2018

Pihak MDB telah mensyaratkan kontraktor mengemukakan dokumen berkaitan kontrak lebih awal bagi kontrak akan datang.

Pada pendapat Audit, pengurusan dokumen kontrak adalah tidak memuaskan kerana lewat ditandatangani yang boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan serta menyebabkan pihak MDB tidak dapat mengambil sebarang tindakan terhadap kontraktor sekiranya berlaku perlanggaran kontrak.

2.6.3.5. Rumah Sampah yang Disediakan Tidak Dimanfaatkan

- a. MDB telah membina sebanyak enam (6) unit rumah sampah dan satu (1) unit rumah kitar semula di Pulau Perhentian yang melibatkan kos sejumlah RM321,400. Pembinaan tersebut telah siap pada bulan Februari dan Mei 2014. Tujuan pembinaan rumah sampah adalah untuk menambah baik pengurusan sisa pepejal semasa musim tengkujuh dan dapat mengurangkan kekerapan pungutan sisa pepejal dari Pulau Perhentian.
- b. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2014, isu rumah sampah yang tidak digunakan telah dibangkitkan dan MDB telah memaklumkan bahawa rumah sampah tersebut akan diubahsuai bagi tujuan yang lebih bermanfaat kepada penduduk seperti dijadikan rumah rehat/tempat rehat dan sebagainya. Pemeriksaan Audit pada 16 April 2018 mendapati MDB masih belum mengambil tindakan bagi membolehkan rumah sampah tersebut digunakan. Hanya satu (1) daripada enam (6) rumah sampah dijadikan sebagai stor penyimpanan barang-barang kelengkapan pembersihan oleh kontraktor pembersihan Pulau Perhentian. Sehingga tarikh lawatan Audit, baki lima (5) rumah sampah masih belum digunakan seperti **Gambar 2.16** hingga **Gambar 2.19**.

GAMBAR 2.16



Kg. Pasir Hantu
- Rumah Sampah Dijadikan Stor Penyimpanan
(17.04.2018)

GAMBAR 2.17



Lata Air Berani
- Rumah Sampah Tidak Digunakan
(16.04.2018)

GAMBAR 2.18



Long Beach
- Rumah Kitar Semula Tidak Digunakan
(17.04.2018)

GAMBAR 2.19



Long Beach
- Keadaan Dalam Rumah Kitar Semula
(17.04.2018)

- c. Kelewatan MDB mengambil tindakan terhadap penemuan Audit yang telah dibangkitkan pada tahun 2014 menyebabkan matlamat pembinaan rumah tersebut tidak tercapai, pembaziran wang awam dan pertambahan kerosakan pada rumah tersebut sekaligus akan meningkatkan kos pembaikan.

Maklum Balas MDB yang Diterima pada 5 Ogos 2018

MDB telah mengeluarkan surat persetujuan kepada sebuah syarikat pelancongan dan Ibu Pejabat Polis Daerah Besut bagi menaik taraf rumah sampah tersebut untuk dijadikan stor simpanan peralatan syarikat dan pondok pengawal polis.

Pada pendapat Audit, tindakan MDB terhadap penemuan Audit yang dibangkitkan dalam LKAN Siri 1 Tahun 2014 adalah tidak memuaskan kerana lima (5) daripada enam (6) rumah sampah masih belum digunakan sehingga lawatan Audit.

2.7. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pelaksanaan perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sisa pepejal adalah tidak memuaskan. Bagi menambah baik keberkesanan program ini dan mengatasi kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan, pihak Audit mengesyorkan agar pihak bertanggungjawab mengambil tindakan berikut:

2.7.1. MDB hendaklah memastikan operasi pelupusan sisa pepejal di TPSP MDB berjalan mengikut garis panduan yang ditetapkan dan peralatan rosak dibaiki dengan segera supaya aktiviti pelupusan sisa pepejal di TPSP dapat beroperasi dengan teratur dan sistematik;

2.7.2. MDB perlu meningkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan kerja-kerja oleh kontraktor bagi memastikan kesempurnaan perkhidmatan dengan mengenakan tindakan yang lebih tegas antaranya meningkatkan amaun denda atau menamatkan kontrak; dan

2.7.3. MDB hendaklah memastikan pembinaan rumah sampah yang telah dibina dapat dimanfaatkan mengikut objektif yang ditetapkan dengan menghebahkan dan menyegerakan urusan penyewaan kepada pihak yang berminat.

TERENGGANU SKILLS DEVELOPMENT CENTRE BERHAD

3. TESDEC SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Tesdec Sdn. Bhd. (TSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 4 November 1999. TSB merupakan syarikat subsidiari milik penuh Terengganu Skills Development Centre Berhad (TESDEC) dengan modal dibenarkan berjumlah RM5.0 juta dan modal berbayar berjumlah RM1.0 juta. TSB berfungsi sebagai pusat latihan berasaskan kemahiran melalui penubuhan Kolej Tesdec yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Bukit Khor, Marang, Terengganu.

3.1.2. Objektif penubuhan Kolej Tesdec adalah merangka dan menawarkan program-program kemahiran yang berkesan; melahirkan graduan yang berdaya saing, berkeyakinan dan berketrampilan; bekerjasama dengan industri dan institusi pengajian tempatan dan antarabangsa bagi kejayaan dan matlamat bersama; menjana serta mengurus tadbir sumber manusia dan kewangan secara berkesan; memperkasa keupayaan tenaga kerja; serta menyediakan dan mengurus sumber-sumber fizikal dan IT secara efisien dan optimum.

3.1.3. Kolej Tesdec menawarkan kursus kemahiran dan program akademik bagi lepasan SPM untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Pra Diploma (Sijil Sains) dan Diploma. Kolej Tesdec juga menganjurkan program khas dari jabatan awam atau swasta seperti mengadakan kursus jangka pendek, kursus pengendalian makanan, kursus tranformasi siswazah Terengganu dan kursus lepasan siswazah.

3.1.4. Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan berbentuk caruman dan geran untuk membiayai dan menampung perbelanjaan mengurus, penyenggaraan bangunan, utiliti dan sebagainya. Bagi tahun 2015 hingga 2018, caruman dan geran Kerajaan Negeri berjumlah RM12.65 juta telah disalurkan kepada TSB seperti **Jadual 3.1**.

JADUAL 3.1
CARUMAN DAN GERAN KERAJAAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018

PEMBIAYAAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Caruman Pengurusan	1.00	1.26	1.50	1.00	4.76
Geran:					
Program TST*	0.23	0.20			0.43
Program T- GTP**	-	0.40	0.42	5.34	6.16
Program T- RSP***	-	-	0.40	-	0.40
Program Latihan	-	-	0.10	-	0.10
Perabot Latihan	0.40	-	-	-	0.40

PEMBIAYAAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Pembaikan Infrastruktur	-	-	0.20	-	0.20
Gelanggang Futsal	-	-	0.14	-	0.14
Sistem Pencegahan Kebakaran	-	-	-	0.06	0.06
JUMLAH	1.63	1.86	2.76	6.40	12.65

Sumber: Fail Caruman dan Geran TSB

Nota:

*TST - Transformasi Siswazah Terengganu

**T-GTP - Terengganu Graduate Transformation Programme

***T-RSP – Terengganu Retachment Skim Programme

3.1.5. Lembaga Pengarah TSB terdiri daripada tujuh (7) orang pengarah dengan dipengerusikan oleh mantan Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia Negeri. Ahli-ahlinya pula terdiri daripada Pegawai Daerah Marang, Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu, Setiausaha Sulit Kepada DYMM Sultan Terengganu, Pengurus Besar TSB, seorang wakil daripada badan politik dan seorang wakil daripada industri berkaitan kemahiran/teknikal. Pengurusan syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seorang Pengurus Besar, 77 kakitangan tetap dan tiga (3) kakitangan kontrak. Sebagai sebuah syarikat menurut syer, TSB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum dan Artikel Penubuhan syarikat (M&A) serta *Standard Operating Procedures* (SOP) syarikat.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai kedudukan kewangan adalah kukuh, amalan tadbir urus adalah baik serta pengurusan aktiviti TSB telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 serta amalan tadbir urus dan pengurusan aktiviti bagi tahun 2015 hingga bulan Jun 2018. Bagi pengurusan aktiviti, dua (2) aktiviti telah dipilih untuk diaudit iaitu program akademik dan program kemahiran. Aktiviti ini dipilih kerana Kolej Tesdec adalah aktiviti utama dan bagi menilai prestasi program, pelajar dan kebolehpasaran pekerjaan setelah tamat pengajian. Pengauditan telah dijalankan di Kampus Kolej Tesdec, Marang, Terengganu.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Penilaian prestasi kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan TSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 yang telah diaudit dan diberi Sijil Tanpa Teguran oleh Tetuan Jalil & Co. Penilaian ini melibatkan empat (4) analisis iaitu analisis trend

pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai. Bagi pengurusan aktiviti dan amalan tadbir urus, kaedah pengauditan adalah melalui semakan terhadap rekod, fail dan dokumen yang berkaitan. Perbincangan, temu bual dan lawatan fizikal ke bilik kuliah, bengkel dan bangunan asrama bersama-sama dengan pegawai TSB turut dilakukan bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung isu yang dibangkitkan.

3.5. RUMUSAN AUDIT

3.5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2018 mendapati secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

a. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan TSB pada keseluruhannya adalah kurang stabil kerana syarikat mencatatkan kerugian sebelum cukai tiga (3) tahun berturut-turut. Kerugian ini menyebabkan syarikat merekodkan kerugian terkumpul berjumlah RM37,921 pada tahun 2016 berbanding keuntungan terkumpul pada tahun 2014 berjumlah RM1.27 juta.

b. Pengurusan Aktiviti

Secara keseluruhannya, aktiviti TSB telah diuruskan dengan tidak cekap untuk mencapai objektif penubuhannya. Bilangan pendaftaran pelajar akademik merosot setiap tahun serta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian pengambilan pelajar adalah rendah antara 34% hingga 68% iaitu kurang daripada jumlah yang disasarkan. Pengurusan TSB juga tidak mempunyai pelan pembangunan produk baru bagi menambah bilangan program, meningkatkan bilangan pelajar dan kepelbagaian badan penaja, penambahan ruang bengkel dan sistem pengurusan yang berkesan.

c. Amalan Tadbir Urus

Secara keseluruhannya amalan tadbir urus TSB adalah kurang memuaskan. Terdapat keperluan untuk membuat penambahbaikan dalam amalan tadbir urus syarikat agar selaras dengan amalan terbaik tadbir urus yang disarankan.

3.5.2. Penemuan Audit utama yang perlu diberikan perhatian dan tindakan oleh TSB adalah seperti berikut:

- i. prestasi kewangan tidak cekap di mana perbelanjaan dan pendapatan sebenar tidak mencapai unjuran yang disediakan;

- ii. pencapaian output terhadap bilangan pengambilan pelajar akademik tidak cekap kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan; dan
- iii. komposisi Lembaga Pengarah tidak mencapai 50% yang berstatus bebas, Lembaga Pengarah dilantik berdasarkan jawatan penjawat awam dan bukan atas kepakaran dan pengalaman serta Pengurus Besar menjalankan tugas dan tanggungjawab eksekutif di setiap anak syarikat kumpulan. Selain itu, Jawatankuasa Audit tidak berfungsi dengan berkesan serta Unit Audit Dalamannya juga tidak ditubuhkan.

3.6. PENEMUAN AUDIT TERPERINCI

Perkara yang ditemui dan maklum balas TSB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 17 September 2018. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

3.6.1. Kedudukan Kewangan

3.6.1.1. Analisis terhadap prestasi kewangan TSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan, untung rugi, aset, liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai. Kedudukan kewangan TSB bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah seperti **Jadual 3.2**.

JADUAL 3.2
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2014, 2015 DAN 2016

BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
Pendapatan	6.57	6.52	5.79
Pendapatan Lain	1.90	1.43	1.30
JUMLAH PENDAPATAN	8.47	7.95	7.09
Perbelanjaan	10.42	9.57	10.18
KERUGIAN SEBELUM CUKAI	(1.95)	(1.62)	(3.09)
Cukai	-	(0.57)	(0.19)
KERUGIAN SELEPAS CUKAI	(1.95)	(2.19)	(3.28)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL	1.27	(0.92)	(0.04)
JUMLAH ASET	8.57	9.53	7.54
JUMLAH LIABILITI	6.30	5.29	6.58
JUMLAH EKUITI	2.27	4.24	0.96
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	8.57	9.53	7.54
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	7.60	0.90	1.06

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit TSB Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016


3.6.1.2. Pendapatan utama TSB terdiri daripada yuran pendaftaran, yuran latihan dan yuran asrama yang menyumbang antara 77.6% hingga 82.0% pendapatan tahunan bagi tahun 2014 hingga 2016. Jumlah pendapatan ini menunjukkan trend penurunan dari RM6.57 juta pada tahun 2014 kepada

RM5.79 juta pada tahun 2016. Penurunan ini disebabkan TSB tidak memperoleh tajaan pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya untuk mengadakan program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti (PPKK) daripada Kerajaan Negeri dan kursus untuk golongan asnaf daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIDAM). Manakala pendapatan lain pula terdiri daripada caruman Kerajaan, geran Kerajaan, pendapatan faedah simpanan tetap dan lain-lain telah menyumbang sebanyak 18% hingga 22.4% setahun berbanding jumlah keseluruhan pendapatan TSB bagi tahun 2014 hingga 2016. Trend pendapatan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 3.2** di atas.


3.6.1.3. Perbelanjaan TSB terdiri daripada kos langsung, perbelanjaan pentadbiran dan operasi lain. Bagi tahun 2014 hingga 2016, jumlah perbelanjaan mencatatkan penurunan sejumlah RM844,822 pada tahun 2015 berbanding tahun 2014, namun meningkat pada tahun 2016 sejumlah RM615,041 berbanding tahun 2015. Faktor utama peningkatan perbelanjaan ialah peningkatan kos kakitangan yang terdiri daripada gaji, elaun kakitangan dan insentif kakitangan yang meningkat setiap tahun iaitu RM4.01 juta pada tahun 2014 meningkat kepada RM4.63 juta pada tahun 2016. Analisis perbelanjaan mendapati perbelanjaan TSB melebihi pendapatan pada setiap tahun. Perbelanjaan TSB bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah antara RM9.57 juta hingga RM10.42 juta setahun. Manakala pendapatan TSB berjumlah RM7.09 juta hingga RM8.47 juta pada tahun 2014 sehingga 2016. Trend perbelanjaan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti **Jadual 3.2**.

3.6.1.4. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2014 hingga 2016 telah memberi kesan terhadap kedudukan kewangan TSB. Bagi tahun tersebut, TSB mengalami kerugian selepas cukai sejumlah RM1.95 juta pada tahun 2014, RM2.19 juta pada tahun 2015 dan sejumlah RM3.28 juta pada tahun 2016. Pemakaian piawaian daripada *Private Entity Reporting Standards* (PERS) kepada *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS) bermula tahun kewangan 2016 menyebabkan berlaku catatan pelarasan terhadap jumlah ekuiti dan keuntungan/kerugian terkumpul dalam penyata kewangan pada tahun 2015 dan 2016. Pelarasan ini memberi kesan terhadap kerugian terkumpul TSB iaitu sejumlah RM37,921 pada tahun 2016 walaupun syarikat mengalami peningkatan kerugian selepas cukai pada setiap tahun bagi tahun 2014 hingga 2016. Trend kerugian semasa dan terkumpul/kerugian terkumpul adalah seperti **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

CARTA 3.1
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN KEWANGAN
2014, 2015 DAN 2016




CARTA 3.2
TREND KERUGIAN SEBELUM CUKAI DAN
KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN KEWANGAN 2014, 2015 DAN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit TSB Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

3.6.1.5. Analisis Audit mendapati TSB tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk menyelesaikan tanggungannya pada tahun 2016 kerana syarikat berada dalam kedudukan liabiliti semasa bersih sejumlah RM4.21 juta di mana aset semasa berjumlah RM2.37 juta kurang berbanding liabiliti semasa berjumlah RM6.58 juta. Komponen utama liabiliti ini adalah jumlah terhutang kepada syarikat induk berjumlah RM2.60 juta dan pemiutang berjumlah RM3.92 juta. Selain itu, tahap kecairan syarikat juga rendah iaitu pada kadar 0.36:1 pada tahun 2016 yang menunjukkan TSB tidak mampu memenuhi obligasi jangka pendeknya. Bagaimanapun, penyata kewangan TSB pada tahun 2015 menunjukkan tanggungan semasa bersih berjumlah RM1.18 juta setelah simpanan tetap sejumlah RM2.50 juta dicairkan dan meningkat kepada RM4.21 juta pada tahun 2016 yang mana boleh menjejaskan konsep usaha berterusan (*going concern*) operasi syarikat. Kedudukan aset/tanggungan semasa bersih bagi tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti **Carta 3.3**.



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit TSB Bagi Tahun 2014, 2015 dan 2016

3.6.1.6. Analisis Audit terhadap aliran tunai TSB adalah bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan bagi menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun 2016, TSB mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM1.06 juta. Peningkatan baki tunai pada tahun 2016 sejumlah RM0.15 juta berbanding tahun 2015 disebabkan tambahan pendahuluan daripada syarikat induk dan peningkatan kutipan daripada penghutang syarikat.

Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan TSB adalah kurang stabil.

3.6.2. Pengurusan Aktiviti

a. Pencapaian Output Pengambilan Pelajar Kemahiran dan Akademik

- i. TSB membuat pengambilan pelajar sebanyak dua (2) kali iaitu sesi Januari dan Jun setiap tahun. TSB mensasarkan pengambilan pelajar bagi Sijil Sains, Diploma Kejuruteraan Automotif dan Diploma Kejuruteraan Teknologi Kimpalan seramai 50 orang bagi setiap program setahun. TSB juga menawarkan 10 kursus kemahiran melibatkan bidang kimpalan, elektrik, jahitan dan automotif yang mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran, Suruhanjaya Tenaga dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB).

- ii. Semakan Audit mendapati pencapaian pengambilan pelajar yang mengikuti kursus kemahiran bagi tahun 2015, 2016 dan 2018 hampir mencapai sasaran iaitu antara 94.2% hingga 99.7%. Bagaimanapun, bagi tahun 2017 pencapaian sebenar adalah sebanyak 77.2% sahaja berbanding sasaran. Ini disebabkan kursus Pemasangan Paip Gas dan Pendawai Fasa Tunggal dengan Endorsan PW2 kurang mendapat tajaan daripada penaja iaitu JPK, ST, Yayasan Terengganu dan CIDB berbanding tahun sebelumnya. Maklumat bilangan pelajar yang mendaftar berbanding sasaran bagi tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti **Jadual 3.3**.

JADUAL 3.3
PENGAMBILAN PELAJAR BARU BERBANDING SASARAN
BAGI PROGRAM SIJIL KEMAHIRAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018

SIJIL	2015			2016			2017			2018		
	SASARAN	DAFTAR	(%)	SASARAN	DAFTAR	(%)	SASARAN	DAFTAR	(%)	SASARAN	DAFTAR	(%)
Proses Kimpalan Arka Kepingan Logam	44	44	100	15	15	100	Tidak Ditawarkan			25	25	100
Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik Satu Fasa	60	60	100	20	20	100	20	20	100	25	24	96
Pembuatan Pakaian Wanita	40	40	100	80	80	100	Dihentikan Penawaran			Dihentikan Penawaran		
Pembuatan Pakaian Wanita (single tier)	Belum Ditawarkan			Belum Ditawarkan			Belum Ditawarkan			25	20	80
Lukisan Pelan Senibina	20	20	100	25	12	48	Tidak Ditawarkan			25	25	100
Operasi Sistem Komputer	15	15	100	8	8	100	Dihentikan Penawaran			Dihentikan Penawaran		
Pemasangan Paip Gas	135	134	99	80	80	100	100	66	66	64	64	100
Pendawai Fasa Tunggal dengan Endorsan PW2	Tidak Ditawarkan			Tidak Ditawarkan			40	33	83	25	25	100
Pemasangan dan Penyelenggaraan Sistem Solar Fotovolt	Belum Ditawarkan			Belum Ditawarkan			20	20	100	Tidak Ditawarkan		
Automotif Servis Selepas Jualan	Belum Ditawarkan			Belum Ditawarkan			Belum Ditawarkan			25	25	100
JUMLAH	314	313	99.7	228	215	94.2	180	139	77.2	214	208	97.2

Sumber: Fail Program Kemahiran

- iii. Bagi tahun 2015 hingga 2018, pencapaian keseluruhan untuk program akademik bagi tahun 2015 hingga 2018 berbanding sasaran adalah antara 44.7% hingga 77.3%. Semakan Audit mendapati pengambilan pelajar pada tahun 2017 bagi program Sijil Sains telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu seramai 66 pelajar atau 132% berbanding tahun 2015, 2016 dan 2018 yang hanya mencapai 34% hingga 72% sahaja. Maklumat kemasukan pelajar baru berbanding sasaran bagi tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti **Jadual 3.4**.

JADUAL 3.4
KEMASUKAN PELAJAR BARU BERBANDING SASARAN
BAGI PROGRAM SIJIL SAINS DAN DIPLOMA BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018

PROGRAM	2015			2016			2017			2018		
	SASARAN	DAFTAR	(%)	SASARAN	DAFTAR	(%)	SASARAN	DAFTAR	(%)	SASARAN	DAFTAR	(%)
Sijil Sains	50	30	60	50	36	72	50	66	132	50	17	34
Diploma Kejuruteraan Teknologi Automotif	50	31	62	50	33	66	50	27	54	50	32	64
Diploma Kejuruteraan Teknologi Kimpalan	50	34	68	50	21	42	50	23	46	50	18	36
JUMLAH	150	95	63.3	150	90	60	150	116	77.3	150	67	44.7

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Akademik TSB

- iv. Semakan Audit mendapati jumlah pelajar yang mendaftar bagi setiap program Diploma Kejuruteraan Automotif dan Diploma Kejuruteraan Teknologi Kimpalan tidak mencapai sasaran. Pengambilan pelajar diploma menunjukkan trend penurunan pada setiap tahun iaitu 65 orang (2015), 54 orang (2016), 50 orang (2017) dan 50 orang (2018). Analisis Audit mendapati pendaftaran pelajar bagi tahun 2015 hingga 2018 berbanding sasaran telah menurun daripada 65% (2015) kepada 50% (2018). Data kemasukan pelajar menunjukkan pelajar yang mengikuti program Diploma Kejuruteraan Teknologi Kimpalan adalah lebih rendah berbanding Kejuruteraan Automotif. Secara keseluruhannya, pencapaian pengambilan pelajar adalah rendah antara 34% hingga 68% iaitu kurang daripada jumlah yang disasarkan.
- v. Faktor pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran adalah kerana kekangan ruang bengkel, pengurangan had pembiayaan oleh badan penaja seperti Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) dan MARA serta persaingan daripada institusi pengajian kendalian agensi kerajaan seperti Kolej Tingkatan 6, Program Diploma Vokasional, Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP).

Maklum Balas TSB yang Diterima pada 12 September 2018

Perkara ini berlaku kerana beberapa kekangan untuk mensasarkan bilangan kemasukan yang lebih besar untuk setiap program iaitu:

- i. **saiz bengkel dan peralatan praktikal yang terhad (nisbah pengesyoran oleh MQA iaitu satu (1) peralatan : lima (5) orang pelajar) yang membolehkan penggunaannya maksimum bengkel dalam satu-satu masa hanya**

mencapai 100 orang pelajar (pengiraan diambil penggunaan semester satu (1) hingga enam (6); dan

- ii. badan penaja Yayasan Terengganu hanya menghadkan tajaan kepada 25 orang pelajar setiap kali kemasukan untuk Program Diploma Kejuruteraan Teknologi Kimpalan dan eksklusif untuk anak dan ibu/bapa kelahiran negeri Terengganu sahaja.

Pada pendapat Audit, prestasi pengambilan pelajar bagi program akademik iaitu Sijil Sains dan Diploma adalah tidak cekap kerana bilangan pendaftaran pelajar akademik merosot setiap tahun serta tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

b. Pencapaian *Outcome* Pengambilan Pelajar Kemahiran dan Akademik

- i. Berdasarkan matlamat organisasi Kolej Tesdec dalam Pelan Strategik 2016 - 2020, TSB merancang menyediakan peluang kepada rakyat menjalani pengajian dan latihan melalui kursus dan aktiviti yang ditawarkan agar mereka mampu memperoleh pekerjaan yang sesuai bagi membantu Kerajaan mencapai objektif sosial yang ditetapkan.
- ii. TSB telah menawarkan tiga (3) program akademik dan 10 kursus kemahiran. Berdasarkan rekod pencapaian pelajar TSB, pelajar yang tamat pengajian di Kolej Tesdec telah berjaya memperoleh pekerjaan dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian mereka seperti menjawat jawatan sebagai jurutera, juruteknik, dan pelukis pelan di syarikat terkemuka seperti TL Offshore Sapura Kencana dan syarikat Maserati.
- iii. Semakan Audit mendapati kebolehpasaran pekerjaan bagi pelajar yang mengikuti Sijil Kemahiran menunjukkan trend peningkatan pada setiap tahun dengan peratusan pencapaian sebanyak 65.1% (2015), 71.6% (2016) dan 77.4% (2017). Manakala kebolehpasaran pelajar bagi program Diploma menunjukkan penurunan yang ketara dengan peratusan pencapaian sebanyak 45.8% pada tahun 2017 berbanding 89.2% pada tahun 2016. Data tamat program pelajar Diploma juga menunjukkan trend menurun bagi tempoh tiga (3) tahun tersebut. Kelembapan ekonomi merupakan antara faktor yang menyebabkan ketidakboleh pasaran pekerjaan bagi program Diploma. Maklumat pelajar yang tamat program dan memperoleh pekerjaan adalah seperti **Jadual 3.5**.

JADUAL 3.5
BILANGAN PELAJAR YANG MENDAPAT PEKERJAAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

PROGRAM	2015			2016			2017		
	TAMAT PENGAJIAN	BEKERJA	(%)	TAMAT PENGAJIAN	BEKERJA	(%)	TAMAT PENGAJIAN	BEKERJA	(%)
Diploma	35	22	62.9	37	33	89.2	24	11	45.8
Sijil Kemahiran	284	185	65.1	109	78	71.6	62	48	77.4
JUMLAH	319	207	64.9	146	111	76.0	86	59	68.6

Sumber: Rekod Pencapaian Pelajar

Pada pendapat Audit, kebolehpasaran graduan adalah berkesan kerana sebanyak 64.9% hingga 76% graduan telah mendapat pekerjaan bagi tahun 2015 hingga 2017.

3.6.3. Prestasi Aktiviti

TSB melaksanakan aktiviti utamanya melalui penubuhan Kolej Tesdec bagi tujuan menjalankan program berbentuk akademik di samping kursus latihan kemahiran.

a. Prestasi Kewangan Aktiviti

- i. TSB menyediakan belanjawan pada setiap tahun berdasarkan pencapaian tahun sebelumnya dan dibentangkan serta diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Berdasarkan belanjawan yang disediakan, TSB telah menetapkan sasaran perbelanjaan sejumlah RM8.91 juta, RM3.75 juta dan RM2.07 juta masing-masing pada tahun 2015, 2016 dan 2017. Manakala sasaran pendapatan adalah sejumlah RM15.07 juta pada tahun 2015, RM9.40 juta pada tahun 2016 dan RM5.70 juta pada tahun 2017.
- ii. Semakan Audit mendapati jumlah pendapatan menunjukkan trend menurun dari sejumlah RM6.52 juta pada tahun 2015 kepada sejumlah RM3.36 juta pada tahun 2017 iaitu penurunan sebanyak 48.5%. Faktor utama penurunan ini disebabkan pengurangan pembiayaan daripada penaja yang memberi kesan secara langsung terhadap kemerosotan kemasukan pelajar ke Kolej Tesdec. Manakala prestasi perbelanjaan pada tahun 2016 meningkat berbanding 2015 daripada RM2.16 juta kepada RM3.01 juta. Bagi tahun 2017, TSB berjaya mengurangkan perbelanjaan kepada RM1.80 juta berbanding tahun 2016. Maklumat prestasi kewangan aktiviti TSB bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti **Jadual 3.6**.

JADUAL 3.6
PRESTASI KEWANGAN AKTIVITI BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2017

BUTIRAN	2015		2016		2017	
	PENDAPATAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)
Sasaran	15.07	8.91	9.40	3.75	5.70	2.07
Sebenar	6.52	2.16	5.79	3.01	3.36	1.80
Pencapaian	43.3%	24.2%	61.6%	80.3%	58.9%	86.9%

Sumber: Belanjawan dan Penyata Kewangan Beraudit TSB

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi aktiviti TSB adalah tidak cekap kerana pencapaian pendapatan sebenar berbanding bajet adalah antara 43.3% hingga 61.6% sahaja. Selain itu, pendapatan sebenar juga mengalami penurunan setiap tahun.

b. Nisbah Pensyarah Berbanding Pelajar dan Jam Mengajar Pensyarah

- i. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah menetapkan nisbah 1:20 bilangan pensyarah berbanding pelajar bagi program peringkat Sijil Sains dan Diploma yang ditawarkan oleh IPTS. Ini bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) dari Malaysian Qualification Framework (MQF) menetapkan beban maksimum (aktiviti mengajar) staf akademik mesti bersesuaian dan seimbang dengan aktiviti lain. Pengajaran formal setiap minggu adalah tidak melebihi 18 jam supaya staf akademik dapat memberi tumpuan dan melaksanakan aktiviti ilmiah/penyelidikan/khidmat perundingan serta tugas pentadbiran lain.
- ii. TSB mempunyai seramai 198 pelajar pada tahun 2017 yang terdiri daripada 50 orang pelajar Sijil Sains dan 148 pelajar peringkat Diploma. Semakan Audit mendapati berlaku lebih pensyarah bagi ketiga-tiga program di mana nisbah pensyarah melebihi bilangan pelajar. Nisbah pensyarah berbanding pelajar bagi Sijil Sains adalah 1:8, Diploma Kejuruteraan Teknologi Automotif adalah 1:11 dan Diploma Kejuruteraan Teknologi Kimpalan adalah 1:10. Selain itu, beban aktiviti mengajar bagi setiap pensyarah TSB juga tidak seimbang bagi setiap individu. Seramai tiga (3) daripada 23 orang pensyarah TSB telah melebihi beban maksimum yang telah ditetapkan oleh MQF iaitu sebanyak 19 hingga 21 jam seminggu. Manakala beban aktiviti mengajar bagi 20 pensyarah yang lain adalah kurang daripada 18 jam seminggu. Maklumat nisbah pensyarah berbanding pelajar bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 3.7**.

JADUAL 3.7
NISBAH BILANGAN PENSYARAH BERBANDING
PELAJAR BAGI PROGRAM AKADEMIK BAGI TAHUN 2017

PROGRAM	BILANGAN PENSYARAH	BILANGAN PELAJAR	NISBAH PENSYARAH KEPADA PELAJAR
Sijil Sains	6	50	1:8
Diploma Kejuruteraan Teknologi Automotif	7	79	1:11
Diploma Kejuruteraan Teknologi Kimpalan	7	69	1:10

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Akademik, TSB

- iii. Nisbah bilangan pensyarah berbanding pelajar dan jam mengajar pensyarah yang rendah disebabkan kekurangan kemasukan pelajar. Semakan Audit mendapati program yang ditawarkan oleh TSB adalah terhad kepada tiga (3) program sahaja sejak kolej beroperasi pada tahun 2009. Perkara ini berlaku kerana pengurusan TSB tidak mempunyai pelan pembangunan program baru. Bilangan dan pilihan yang sedikit memberi kesan terhadap pasaran kemasukan pelajar kerana persaingan dengan institusi pengajian lain yang menawarkan lebih banyak program.

Maklum Balas TSB yang Diterima pada 24 September 2018

Bagi tujuan meningkatkan bilangan pelajar, TSB telah menawarkan program sendiri bagi menggantikan program kerjasama dengan UniKL iaitu Program Diploma Kejuruteraan Teknologi Automotif dan telah mendapat kelulusan MQA. TSB juga merancang untuk menawarkan program Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada tahun 2019 dengan menjalankan kajian pasaran bagi melihat permintaan dan keberkesanan program ini. Selain itu, pensyarah yang mengajar antara lapan (8) hingga 12 jam seminggu mempunyai jawatan yang lain seperti Pengurus Kanan Hal Ehwal Akademik, Pengurus Kanan Latihan Kemahiran, Pengurus Kanan IT dan Pengurus Kanan Latihan Jangka Pendek.

Pada pendapat Audit, pengurusan program tidak cekap kerana nisbah pensyarah berbanding pelajar yang rendah dan jam mengajar pensyarah kurang daripada yang ditetapkan.

3.6.4. Tadbir Urus

- 3.6.4.1. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan

operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Tadbir urus yang baik patut diamalkan dengan meluas untuk memaparkan mutu dan integriti tertinggi pemimpin dalam organisasi. Antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG)*, *The Green Book - Enhancing Board Effectiveness* April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 (*MKD Handbook*) dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditors*.

3.6.4.2. Terengganu Skills Development Centre Berhad (TESDEC) telah ditubuhkan pada 14 September 1996 di bawah Syarikat Berhad Menurut Jaminan, Akta Syarikat 1965. TESDEC mempunyai dua (2) syarikat subsidiari iaitu kepada Tesdec Sdn. Bhd. (TSB) dan Tesdec Services Sdn. Bhd. yang ditubuh di bawah Akta Syarikat 1965. Penubuhan TSB adalah susulan terhadap kejayaan program Skim Latihan Sambil Belajar (SLSB) yang memberi pendedahan dan peluang kepada belia tempatan dalam pelbagai aspek pekerjaan bagi meningkatkan taraf sosial. Struktur Kumpulan TESDEC adalah seperti **Carta 3.4**.

CARTA 3.4
STRUKTUR ANAK-ANAK SYARIKAT KUMPULAN TESDEC



a. Pengerusi

Green Book perenggan 1.1.3 dan 2.1.3. menyatakan tugas dan tanggungjawab Pengerusi hendaklah ditentukan secara bertulis dengan jelas. Semakan Audit mendapati pada 1 Ogos 2014, Pengerusi Lembaga Pengarah TSB dilantik berdasarkan kapasiti jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia Negeri. Bagaimanapun, tempoh masa memegang jawatan ini tidak ditentukan serta tugas dan tanggungjawab Pengerusi TSB tidak dinyatakan secara bertulis.

Pada pendapat Audit, amalan terbaik TSB dalam aspek Pengerusi adalah memuaskan kerana hanya tugas dan tanggungjawab Pengerusi tidak dinyatakan secara bertulis selaras dengan amalan terbaik.

b. Lembaga Pengarah

- i. Berdasarkan MCCG 2017 *practice* 4.1, sekurang-kurangnya separuh daripada komposisi Lembaga Pengarah hendaklah Pengarah berstatus bebas. Semakan Audit mendapati ahli Lembaga Pengarah dianggotai oleh tujuh (7) orang di mana lima (5) Pengarah berstatus bukan bebas termasuk Pengerusi.
- ii. Berdasarkan MCCG 2017 *guidance* 2.1 & *Green Book* perenggan 1.2.2, Lembaga Pengarah hendaklah menyediakan dan meluluskan terma rujukan (TOR) bagi setiap jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Lembaga Pengarah dengan menyatakan peranan dan tanggungjawab dengan jelas. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah TSB telah menubuhkan empat (4) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Akademik dan Latihan Kemahiran, Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburan, Jawatankuasa Perjawatan dan Jawatankuasa Audit Dalam. Bagaimanapun, terma rujukan bagi setiap jawatankuasa yang ditubuhkan tidak disediakan.
- iii. Berdasarkan MCCG 2017 *practice* 4.4 dan *Green Book* perenggan 1.1.4, Lembaga Pengarah hendaklah dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah TSB dilantik berdasarkan jawatan penjawat awam dan bukan atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan syarikat.
- iv. Berdasarkan MCCG 2017 *practice* 3.1, Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan kod etika rasmi syarikat. Manakala MCCG 2017 *practice* 2.1 *guidance* 2.1, Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai *Board Charter* yang menjelaskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah,

Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah secara individu dan pengurusan syarikat serta isu dan keputusan yang tertakluk kepada Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah TSB tidak mewujudkan kod etika syarikat dan *Board Charter* tidak disediakan.

- v. Berdasarkan *Green Book* perenggan 1.4.4, Lembaga Pengarah hendaklah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah TSB tidak memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat.
- vi. Berdasarkan *Green Book*, perenggan 2.1. kedatangan Pengarah ke mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah melebihi 50%. Kehadiran Pengarah yang tidak mencukupi 50% dalam tahun semasa perlu mengosongkan jawatan. Semakan Audit mendapati TSB telah mengadakan sebanyak 11 kali Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tempoh 2015 sehingga 2018. Dalam tempoh tersebut didapati seorang Pengarah hanya hadir sekali sahaja iaitu pada Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke-2/2015. Bagaimanapun, beliau masih kekal sebagai Pengarah syarikat dan dibayar elaun tahunan, belanja boleh dituntut dan elaun bonus raya pada tahun 2015, 2016 dan 2017 berjumlah RM48,000. Semakan lanjut terhadap tadbir urus berkenaan Lembaga Pengarah TSB mendapati perkara seperti berikut:
 - Bayaran fi pengarah melibatkan Belanja Boleh Tuntut dan Imbuhan Raya bagi tahun 2015 dan 2017 berjumlah RM133,237 telah dibuat bayaran tanpa kelulusan daripada Mesyuarat Agung.
 - Seksyen 19(4), Perlembagaan Kolej Tesdec memperuntukkan bahawa Ketua Eksekutif yang dilantik tidak boleh menjadi Pengerusi atau ahli Lembaga Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Urusan Syarikat TSB. Semakan Audit mendapati Pengurus Besar TSB dilantik sebagai Ketua Eksekutif Kolej Tesdec pada 1 September 2015 dan kemudiannya dilantik sebagai ahli Lembaga TSB pada 3 Januari 2017. Beliau telah dibayar elaun kehadiran mesyuarat sebanyak empat (4) kali yang berjumlah RM2,800, perbelanjaan boleh dituntut berjumlah RM8,000 dan imbuhan raya berjumlah RM4,000 sejak menjadi ahli Lembaga Pengarah. Perlantikan beliau sebagai ahli Lembaga Pengarah adalah tidak mematuhi Perlembagaan Kolej.

- vii. Aspek Lembaga Pengarah berdasarkan amalan tadbir urus tidak diamalkan kerana TSB tidak mempunyai pengetahuan tentang keperluan penggunaan dan pematuhan kepada MCCG 2017 dan *Green Book*.

Pada Pendapat Audit, amalan tadbir urus TSB dalam aspek Lembaga pengarah adalah kurang memuaskan kerana fungsi dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah tidak dinyatakan secara jelas dengan mematuhi amalan terbaik.

c. Ketua Pegawai Eksekutif/Pengurus Besar

- i. Berdasarkan amalan terbaik, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dilantik oleh pemegang saham/Menteri/agensi yang bertanggungjawab sepertimana disarankan oleh *Handbook* perenggan 3.5. Selain itu, pelantikan dan syarat perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dinyatakan dengan jelas serta dipatuhi.
- ii. Semakan Audit mendapati jawatan Ketua Pegawai Eksekutif telah diisi pada 16 Mei 2018 sejak persaraan mantan CEO pada 5 Mei 2016. Semasa kekosongan jawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar berperanan menjalankan tugas mentadbir dan mengurus operasi syarikat.
- iii. Semakan Audit mendapati seorang Pegawai Tadbir Negeri telah dipinjamkan sebagai Pengurus Besar TSB mulai 17 Mei 2015. Beliau juga merupakan Pengurus Besar TESDEC Bhd., Pengarah Eksekutif dan ahli Lembaga Pengarah dalam dua (2) syarikat subsidiari TESDEC Bhd. dan dibayar elaun pengurusan, elaun Pengarah Eksekutif dan fi pengarah.
- iv. Bab 7, Perkara 101 Terma Kewangan TSB menetapkan kontrak kerja yang berharga lebih daripada RM50,000 sehingga had maksimum RM300,000 mestilah dibuat secara sebut harga. Semakan Audit mendapati kontrak perkhidmatan membersihkan dan mencuci bangunan TSB berjumlah RM220,298 setahun tidak dibuat secara sebut harga sebaliknya dibuat secara pembelian terus. Kontrak ini telah diberikan kepada TSSB yang juga merupakan anak syarikat kepada Tesdec (induk). Hasil semakan lanjut Audit mendapati Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengurus Besar bagi kedua-dua syarikat ini adalah individu yang sama. Ini menimbulkan *conflict of interest* kerana melibatkan pegawai yang sama yang membuat keputusan bagi kedua-dua buah syarikat tersebut.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus dalam aspek Pengurus Besar adalah kurang memuaskan kerana beliau menjalankan tugas dan peranan sebagai

eksekutif di anak syarikat kumpulan yang lain. Perkara ini menimbulkan *conflict of interest*.

d. *Standard Operating Procedures*

- i. Berdasarkan amalan terbaik *Handbook* - perenggan 1.9(c), perenggan 2.2(f), perenggan 3.25 hingga 3.28, Lembaga Pengarah hendaklah memastikan *Standard Operating Procedures* (SOP) merangkumi proses, prosedur dan polisi yang lengkap dan menyeluruh terhadap aspek kewangan dan aktiviti dalam menguruskan syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati TSB mempunyai Terma Perkhidmatan yang merangkumi pelantikan dan prospek kerjaya serta peraturan pentadbiran kakitangan. Selain itu, TSB juga mempunyai Terma Kewangan yang mengandungi tanggungjawab jawatankuasa kewangan dan pelaburan, belanjawan tahunan, perakaunan terimaan wang, perakaunan perbelanjaan dan pembayaran, tatacara perolehan dan tatacara pelupusan aset. Pindaan kepada kedua-dua terma ini dibincang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan dikemaskini dari semasa ke semasa. Bagaimanapun beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti berikut:
 - perolehan kontrak perkhidmatan membersihkan dan mencuci bangunan tidak dibuat secara sebut harga;
 - semua pegawai dan kakitangan tidak mempunyai surat penurunan kuasa secara bertulis dalam menjalankan tugas harian; dan
 - Penyata Kewangan Tahun 2017 lewat disediakan melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu 30 Jun 2018.
- iii. Kelemahan dalam aspek ketidakpatuhan kepada SOP menyebabkan syarikat menghadapi masalah untuk mempertingkatkan pengurusan kualiti.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus dalam aspek SOP adalah kurang memuaskan kerana prosedur yang disediakan tidak diamalkan dan dipatuhi.

e. Pelan Strategik

- i. Berdasarkan amalan terbaik MCCG 2017 *practice 1.1, guidance 1.1 & MKD handbook* perenggan 2.2(b) menyarankan antara tugas Lembaga Pengarah adalah meneliti dan meluluskan pelan strategik yang dicadangkan oleh pengurusan syarikat serta memantau pelaksanaannya.
- ii. Semakan Audit mendapati TSB ada menyediakan pelan strategik bagi tahun 2010 hingga 2015 dan 2016 hingga 2020. Pelan strategik dikeluarkan sebagai langkah awal kepada usaha untuk menambah baik pengurusan dan proses niaga TSB. Bagaimanapun, pelan strategik yang dirancang dan diluluskan tidak menunjukkan keberkesannya kepada matlamat perniagaan syarikat. Pelan strategik perniagaan yang disediakan masih belum berupaya meningkatkan pendapatan syarikat. Kelemahan dalam pelan strategik menunjukkan kurangnya pemantauan ahli Lembaga Pengarah agar strategi yang dirangka dilaksanakan dengan jayanya. Ini menyebabkan halatuju perniagaan tidak dapat difokuskan bagi tujuan untuk mencapai sasaran dan matlamat syarikat yang telah ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.8**.

JADUAL 3.8
PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK

TAHUN	STRATEGI/MATLAMAT/ PENERANGAN	STATUS PELAKSANAAN
2010 - 2015	- Merangka dan menawarkan program-program yang berkesan - Melahirkan graduan yang berdaya saing, berkeyakinan dan berketrampilan - Bekerjasama dengan industri dan institusi pengajian tempatan dan antarabangsa bagi kejayaan dan matlamat bersama - Menjana dan mengurus tadbir sumber kewangan secara berkesan - Memperkasakan keupayaan tenaga kerja	Pengurusan TSB mengesahkan bahawa terdapat banyak kelemahan dalam pelaksanaan pelan ini menyebabkan sasaran yang ditetapkan tidak tercapai. Antara punca kepada kelemahan pelan strategik ini adalah daripada segi aspek kepimpinan, proses dan faktor manusia.
2016 - 2020	- Dibentang dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali Ke 3 pada 9 November 2015 - Antara sasaran: i. Mampu dan melatih sekurang-kurangnya 3,000 belia dalam setahun pada penghujung tempoh plan strategik ini ii. Mampu dan menjana hasil pendapatan kewangan sebanyak RM20 juta setahun pada penghujung tempoh Pelan strategik ini.	- Status pendaftaran pelajar sepanjang tempoh lima (5) tahun tidak mencapai apa yang dirancang. - Pendapatan masih tidak mencapai RM20 juta setahun. - Sasaran pendapatan yang ditetapkan tidak realistik memandangkan pendaftaran pelajar yang disasarkan tidak menyumbang ke arah pencapaian RM20 juta setahun.

Sumber: Buku Pelan Strategik

Maklum Balas TSB yang Diterima pada 12 September 2018

Kekangan kewangan yang dialami oleh TSB menyebabkan perancangan strategik terutamanya yang melibatkan pembangunan program tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna sebagaimana yang dirancang dalam pelan strategik. Selain itu, pelan strategik yang dirangka pada masa tersebut adalah

terlalu tinggi (*ambitious*) dengan melihat dan bersandarkan perkembangan positif ekonomi negara dan sokongan kuat kerajaan di dalam sektor pendidikan.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus dalam aspek Pelan Strategik/Rancangan Korporat adalah kurang memuaskan kerana perancangan yang disediakan tidak berjaya dilaksanakan.

f. Jawatankuasa Audit

- i. Jawatankuasa Audit yang berkesan akan menghasilkan ketelusan, fokus dan pertimbangan bebas yang diperlukan untuk menyelia proses pelaporan kewangan. Bagaimanapun, tanggungjawab terhadap proses pelaporan kewangan sesebuah syarikat terletak sepenuhnya ke atas lembaga pengarah. Jawatankuasa Audit memainkan peranan utama dalam struktur tadbir urus sesebuah syarikat. Jawatankuasa Audit yang bebas berupaya mencabar dan menyoal memeriksa proses pelaporan kewangan syarikat, kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus.
- ii. Berdasarkan MCCG 2017 (*practice* 8.1 hingga 8.5), *Green Book* Perenggan 1.2.3 dan *Appendix 3* serta *Chartered Institute of Internal Auditor, What Every Director Should Know – How to get the most from your internal audit* berkaitan dengan Jawatankuasa Audit adalah tidak selaras dengan amalan terbaik seperti berikut:
 - keanggotaan JKA adalah seramai tiga (3) orang dan hanya dua (2) anggota tersebut mempunyai kepakaran kewangan.
 - JKA TSB tidak dianggotai Pengarah bebas sepenuhnya dan ini tidak selaras dengan amalan terbaik iaitu Pengerusi JKA hendaklah Pengarah Bebas dan bukan Pengerusi Lembaga Pengarah serta kesemua anggota JKA hendak berstatus bebas.
 - Surat perlantikan serta terma rujukan tidak dikeluarkan kepada ahli JKA yang dilantik. Semakan Audit mendapati JKA tidak pernah bermesyuarat dan laporan JKA tidak dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Pengarah.
 - JKA tidak mengadakan perjumpaan dengan Ketua Audit Dalaman sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat.

- iii. Aspek JKA berdasarkan amalan tadbir urus tidak diamalkan kerana Jawatankuasa tidak ditubuh dengan teratur dari aspek komposisi ahli dan tiada surat perlantikan rasmi kepada ahli dikeluarkan. Ini menyebabkan Jawatankuasa tidak aktif dan tidak menjalankan tugas dengan berkesan.

Maklum Balas TSB yang Diterima pada 12 September 2018

Mesyuarat Lembaga Pengarah TSB kali ke 1/2018 telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Jawatankuasa Audit. Selepas perlantikan ahli Lembaga Pengarah yang baru dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri, peranan Jawatankuasa Audit akan diperkasa.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus dalam aspek JKA adalah kurang memuaskan kerana JKA tidak berfungsi dengan baik.

g. Unit Audit Dalaman

Peranan utama Audit Dalaman ialah membantu Jawatankuasa Audit dalam menilai dan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalam dan tadbir urus serta menyarankan penambahbaikan yang dapat membantu nilai tambah kepada keberkesanan dan kecekapan aktiviti syarikat. Semakan Audit mendapati kesemua amalan terbaik bagi Audit Dalaman tidak dilaksanakan oleh TSB kerana fungsi Audit Dalaman tidak diwujudkan.

Maklum Balas TSB yang Diterima pada 12 September 2018

Unit Audit Dalaman akan dibentuk selepas Jawatankuasa Audit bersidang.

Pada pendapat Audit, tindakan TSB untuk menubuhkan Audit Dalaman adalah selaras dengan amalan terbaik. Bagaimanapun, TSB perlu memastikan pelantikan pegawai dibuat berdasarkan ketetapan supaya fungsi Audit Dalaman dapat dilaksanakan secepat mungkin.

3.7. SYOR AUDIT


Bagi memastikan objektif penubuhan TSB dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah TSB memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 3.7.1. mengenal pasti dan menambah bilangan program, pelajar, mesin dan peralatan pembelajaran, bengkel dan badan penaja melalui rancangan pemasaran

yang strategik dan pengurusan aktiviti yang cekap bagi memastikan objektif syarikat tercapai. Ini bagi mengurangkan kebergantungan kewangan daripada caruman Kerajaan dan bantuan modal syarikat induk;

3.7.2. meningkatkan kecekapan pengurusan aktiviti terutamanya bagi aspek penambahan program/kursus dan pelajar melalui kajian semula Pelan Strategik secara menyeluruh; dan

3.7.3. memastikan amalan tadbir urus syarikat dipertingkatkan dari semasa ke semasa terutamanya dari segi pelantikan dan fungsi Lembaga Pengarah, peranan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat dan Ketua Eksekutif Kolej, pematuhan SOP bagi aktiviti utama syarikat, pencapaian KPI serta melaksanakan kawalan dalaman yang berkesan melalui penubuhan Audit Dalaman.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah tidak ada mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan, serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Agensi Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

2 November 2018



PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2018
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773